



Penjarakan sosial

Pakai pelitup muka

Amalkan 4P

Pencucian tangan dengan sabun

Perhatikan gejala COVID-19

JULAI 16 - 31, 2020



PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

PERCUMA



www.buletinmutiara.com



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

EMPANGAN MENGKUANG

baki komponen diharap siap segera

PEMANDANGAN dan paras air Empangan Mengkuang pada 25 Jun 2020.



KETUA Menteri bersama-sama Sr. Rozali Mohamad, (kiri sekali) dan Ir. Jaseni Maidinsa (kanan sekali) merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan Empangan Mengkuang sejurus sesi lawatan di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

PENANTI - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang berharap baki komponen Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) dapat disiapkan secepat mungkin, dengan kolaborasi antara Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Kerajaan Persekutuan.

Demikian kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Pengerusi PBAPP ketika mengadakan lawatan khas ke 'empangan strategik' tersebut pada 25 Jun 2020 di sini.

"Empangan Mengkuang adalah empangan penting serta strategik untuk rangkaian bekalan air Pulau Pinang, dan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang bekerjasama rapat dengan agensi Persekutuan berkaitan untuk mencapai objektif ini.

"Kami (Kerajaan Negeri) berharap bahawa baki komponen projek pembesaran Empangan Mengkuang dapat disiapkan secepat mungkin agar kami (Kerajaan Negeri) dapat memastikan keselamatan bekalan air di negeri ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung bersempena lawatan berkaitan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin

merangkap ADUN Penanti; ADUN Berapit, Heng Lee Lee; Ahli Parlimen Permatang Pauh merangkap ADUN Angkat Seberang Jaya, Nurul Izzah Anwar dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong turut serta lawatan kerja meninjau paras air semasa di 'empangan strategik' tersebut.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamad serta beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow turut menyatakan hasrat untuk membuka semula bahagian tertentu empangan tersebut bagi tujuan rekreasi awam.

"Kami (Pihak Berkuasa Negeri) mencadangkan pembukaan semula bahagian empangan untuk tujuan rekreasi dan kami berharap kementerian akan menyetujuinya," ulasnya.

Terdahulu, Jaseni menyatakan bahawa Empangan Mengkuang merupakan satu-satunya 'empangan strategik' yang ada di tanah air ini.

Bercakap kepada pemberita pada 16 Februari lalu, menurut beliau, 'empangan strategik' tersebut berfungsi untuk mengumpulkan lambakan air ketika musim hujan supaya tidak dibazirkan mengalir ke laut bagi dimanfaatkan ketika musim kemarau panjang di negeri ini.

Dengan adanya 'empangan strategik'

berkaitan, tambah Jaseni, ia menjadikan Pulau Pinang sebagai satu-satunya negeri yang berjaya mengelak langkah catuan air ketika musim kemarau panjang sejak tahun 2008.

Malah, Jaseni dalam kenyataan bertulis pada 25 Jun 2020 antara lain memberitahu bahawa kerja-kerja tertunggak yang masih menunggu Kerajaan Persekutuan untuk disiapkan adalah meliputi Fasa 2B iaitu pemasangan saluran paip sepanjang 7 kilometer (km) dari Rumah Pam Mak Sulong ke Terusan Sungai Dua.

"Selain itu, ia juga melibatkan Fasa 2C iaitu pembinaan Stesen Pam Lahar Yooi 440 juta liter sehari (MLD).

"Walaupun begitu, PBAPP telah menasihati Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menerima penyerahan Empangan Mengkuang secara bersyarat, iaitu jika Kerajaan Persekutuan mengesahkan komitmennya untuk menyelesaikan dan memulakan operasi Fasa 2B dan 2C MDEP.

"Empangan telah diperbesarkan... bagaimanapun, pembesaran empangan mewakili hanya 1 daripada 4 fasa utama MDEP yang berfungsi.

"Tanpa pengoperasian baki 2 fasa, MDEP tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai penyelesaian strategik kemarau Pulau Pinang," ujarnya.

Difahamkan, Fasa 1 Pembesaran Empangan Mengkuang dengan kos RM607 juta siap pada 10 April 2017.

Fasa 2A Menaik Taraf Rumah Pam Mak Sulong dengan kos RM63.5 juta pula siap pada 28 Julai 2019.

Sehingga kini, Fasa 2B melibatkan pemasangan saluran paip keluli lembut berdiameter 1.6 meter (m) sepanjang 7 km dari Rumah Pam Mak Sulong dengan anggaran kos RM100 juta masih tertinggal, walaupun Kerajaan Persekutuan ketika mesyuarat pada 2 April 2018 telahpun bersetuju untuk melaksanakan fasa berkenaan.

Turut tertunggak, Fasa 2C Pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi 440 MLD dengan anggaran RM80 juta, sungguhpun Kerajaan Persekutuan dalam mesyuarat pada 2 April 2018 turut bersetuju untuk melaksanakan fasa tersebut.

"Selain itu, dalam mesyuarat pada 2 April 2018 Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membina baraj baharu RM100 juta sepanjang Sungai Muda di Rantau Panjang.

"Baraj baharu ini akan menggantikan baraj berusia 47 tahun sedia ada dan tujuannya adalah untuk mencegah kemasukan air laut serta membantu mengekalkan paras air sungai yang optimum semasa musim kemarau," jelasnya.

Di samping itu, Jaseni turut menyatakan bahawa sehingga 24 Jun 2020, kapasiti efektif Empangan Mengkuang adalah 84.5 peratus.

"Simpanan efektif adalah 67,654 juta liter air," ulasnya.

RTB Mak Mandin jangka siap Disember

KEADAAN tapak projek kini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

BAGAN JERMAL - Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin termasuk skop pembinaan rumah pam dengan kapasiti 9 meter (m) kubik padu sesaat, dengan peruntukan terbesar daripada Kerajaan Negeri sejumlah RM42 juta, dijangka siap sepenuhnya pada bulan Disember tahun ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek tersebut dapat mengurangkan lagi risiko banjir di Taman Cantik, Taman Bagan serta kawasan penempatan sekitar dalam radiasi 4 kilometer persegi.

"Projek ini akan siap pada hujung tahun ini dan ia akan membantu mengurangkan risiko banjir kilat di taman-taman perumahan," jelasnya kepada pemberita selepas melawat tapak kemajuan di sini pada 20 Jun

2020.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu dan ADUN Bagan Dalam, M. Satees turut sertai sidang media tersebut.

Hadir sama, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan C. K. Tan (Pegawai Khas Kepada Ahli Parlimen Bagan).

Sebelum itu, Zairil menyatakan bahawa peruntukan RM42 juta tersebut adalah meliputi kerja-kerja penarafan parit monsun Mak Mandin, sistem saliran di Taman Cantik serta pintasan di 10 lokasi



sekitar kawasan tumpuan banjir.

"Projek ini telah bermula pada tahun 2018, dijadual siap pada Mac tahun ini, tetapi mengalami penangguhan atas beberapa sebab antaranya adalah isu pengambilan tanah yang mengambil masa, penguatkuasaan dan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) yang tidak dapat dielak.

"JPS negeri akan cuba siapkan projek ini pada

hujung tahun ini juga, tapi projek pembinaan rumah pam dijangka siap lebih awal iaitu pada bulan Oktober ini," ulasnya yang juga ADUN Tanjung Bunga.

Dalam perkembangan lain, Kon Yeow serta barisan pemimpin Kerajaan Negeri lain turut meninjau keadaan sumber air mentah Sungai Mak Mandin dan Sungai Perai sebagai sumber semula jadi baharu negeri.

Cepatkan pemuliharaan bangunan warisan kompleks mahkamah

GEORGE TOWN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow baru-baru ini membuat tinjauan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) di Kompleks Mahkamah Pulau Pinang, sempena pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Ogos 2020.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh turut sertai lawatan tersebut.



PUAN Hakim Zaharah Hussain.

Delegasi Kon Yeow disambut

oleh Pengarah Mahkamah Negeri Pulau Pinang, Puan Hakim Zaharah Hussain.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjung berharap pihak berwajib dapat mempercepatkan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan pada fizikal blok bangunan warisan di sini supaya kembali boleh digunakan seperti biasa.

"Kita mengambil maklum mengenai masalah di Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang ekoran penutupan bangunan warisan kerana perlu dibaik pulih.

"Kesannya adalah ruang yang tidak mencukupi, lebih-lebih lagi dalam tempoh PKP (Perintah Kawalan Pergerakan)

yang mana jarak sosial perlu diamalkan.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) berharap agar pihak berwajib dapat segerakan kerja-kerja baik pulih bangunan (warisan) dan lain-lain kemudahan supaya proses mahkamah dapat dijalankan secara lancar," jelasnya yang juga ADUN Padang Kota.

Difahamkan, bangunan warisan di Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang tersebut ditutup sejak 2018 untuk kerja-kerja pembasmian anai-anai, namun dikatakan

pemuliharaan infrastruktur fizikal tergendala sejak 18 Mac 2020 ekoran pelaksanaan PKP.

Sebelum itu, Puan Hakim Zaharah memberitahu pihaknya dimaklumkan bahawa kos penarafan diperlukan adalah berjumlah RM14.7 juta, tetapi, jabatan berwajib belum memulakan lagi sebarang kerja berkaitan pada kompleks berkenaan.

"Mungkin disebabkan peruntukan yang diperlukan adalah lebih daripada jumlah itu.

"Malah, pihak Mahkamah

(Pulau Pinang) juga dimaklumkan bahawa kerja nyah anai-anai akan dijalankan terlebih dahulu dan sebagai tambahan, jabatan berkenaan juga menyatakan bahawa pihaknya akan memulakan kerja pada bulan Julai dan dijangka siap pada November (2020)," ujarnya.

Puan Hakim Zaharah dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Kon Yeow kerana sebelum ini turut menyumbang sejumlah pelitup muka kepada pihak Mahkamah Negeri Pulau Pinang.

ANTARA SOP yang dipraktikkan.



Oleh: **AZMI HUSSIN**

Gambar : **LAW SUUN TING**

BUKIT TAMBUN - Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang memerlukan kira-kira RM67 juta untuk kerja-kerja penarafan infrastruktur Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga pengerusi perbadanan berharap peruntukan yang diperlukan itu turut dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

“Perbadanan telah buat permohonan melalui Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) untuk mendapatkan peruntukan (Persekutuan) di bawah RMK-12.

“Kalau bukan RM67 juta pun, kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) berharap ada berita baik, sebahagian besar daripada jumlah itu (RM67 juta) adalah untuk tujuan-tujuan yang mendesak dan adalah diharapkan dapat diluluskan,” jelasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjung merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota ketika acara perasmian logo baharu Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang dekat Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan di sini pada 20 Jun 2020.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang, Mohamed Akbar Mustapha turut sertai acara tersebut.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua dan Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Deputy Superintendan Lee Chong Chern.

Selain Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan, Kon Yeow memberitahu bahawa beberapa aset berkaitan Kerajaan Negeri lain seperti Dewan Millenium Kepala Batas; Kompleks Renang Seberang Jaya; Kompleks Sony; Kompleks Sukan Balik Pulau dan beberapa taman rekreasi diletakkan di bawah pengurusan Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang Pulau Pinang.

RM67 juta anggaran naik taraf Stadium Negeri Batu Kawan harap lulus dalam RMK-12



KEADAAN dalam Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan kini.



KETUA Menteri dan Soon Lip Chee (enam dari kanan) sambil diiringi barisan jemputan khas menyempurnakan gimik penanaman pokok di Stadium Negeri Pulau Pinang, Batu Kawan di sini baru-baru ini.

“Sejak bulan Januari (2020), perbadanan mula berfungsi dengan beberapa rancangan yang dibentangkan kepada lembaga pengarah dan mendapat kelulusan.

“Memandangkan ini suatu bidang kuasa baharu, perbadanan baharu, maka sokongan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri daripada segi menyalurkan peruntukan adalah penting.

“Kita (perbadanan) pun sudah mula dua tiga projek, salah satu projek adalah mewujudkan sebuah taman kejiranan di Lebuh Sungai Pinang Tujuh dengan perbelanjaan RM1.6 juta.

“(Projek kebun kejiranan) itu akan menjadi satu contoh yang

mana tanah lapang dapat ditransformasikan sebagai taman kejiranan dengan wajah serta landskap menarik untuk dinikmati komuniti setempat.

“Penubuhan Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang akhirnya telah menjadi kenyataan melalui Enakmen Perbadanan Stadium dan Tanah Lapang,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan atas perancangan strategik yang dibentangkan oleh Mohamed Akbar.

Naik taraf Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya demi selesa umum

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

SEBERANG JAYA – Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP) bakal mengeluarkan Permintaan Kertas Cadangan (RFP) bagi kerja-kerja menaik taraf Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa panggilan RFP tersebut adalah untuk kerja-kerja menaik taraf termasuk penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti di kompleks tersebut.

“Isu sebenar bagi kompleks renang ini telah dibincangkan beberapa kali semasa mesyuarat Exco.

“Namun, penyelesaian bagi perkara ini tertangguh sejak beberapa tahun lalu ekoran tiada perancangan kukuh untuk menaik taraf kompleks ini.

“Walau bagaimanapun, setelah penubuhan PSDKLPP pada 2017, Kerajaan Negeri memutuskan penyerahan beberapa aset termasuk Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya ini kepada perbadanan untuk mengemukakan panggilan RFP.

“Penyerahan aset ini penting bagi



KETUA Menteri bersama-sama Soon Lip Chee (kiri sekali), Sr. Rozali Mohamud (tengah) dan Nurul Izzah Anwar (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

memastikan kelangsungan dari segi menaik taraf, penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti di sini demi keselesaan umum terutamanya penduduk di Seberang Jaya ini,” ujarnya kepada Buletin Mutiara sejourus mengadakan lawatan kerja ke kompleks berkaitan pada 20 Jun lalu di sini.

Turut sama, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Ahli Parlimen Permatang Pau,

Nurul Izzah Anwar; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua dan Ketua Pegawai Eksekutif PSDKLPP, Mohamed Akbar Mustapha.

Mengulas mengenai panggilan RFP, Kon Yeow memberitahu bahawa ia akan menarik minat pihak-pihak berpotensi untuk

mengemukakan cadangan mereka bagi kerja-kerja yang dinyatakan.

Dalam pada itu, Mohamed Akbar ketika ditemui menyatakan bahawa pihak PSDKLPP telah menyempurnakan permintaan kertas kerja yang akan diserahkan kepada Bahagian Kewangan Negeri untuk prosedur berikutnya sebelum RFP dikeluarkan.

“Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya ditutup sehingga notis lanjut bagi membolehkan kerja-kerja menaik taraf dilaksanakan selepas RFP dikeluarkan nanti,” katanya.

Selain Kompleks Kolam Renang Awam Seberang Jaya, Mohamed Akbar memberitahu bahawa perbadanan tersebut turut menerima dua aset lain iaitu Dewan Millenium, Kepala Batas dan Kompleks Sukan Sony di Seberang Jaya pada bulan Julai 2020.

“Bagi pihak PSDKLPP, kami amat berbesar hati atas kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan MBSP.

“PSDKLPP akan melakukan yang terbaik untuk memastikan penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti ini dalam keadaan baik untuk kegunaan awam,” tambah beliau.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PADANG LALANG - Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee memohon Menteri Belia dan Sukan baharu supaya membantu mendapatkan segera peruntukan daripada pihak kementerian berjumlah kira-kira RM5 juta untuk kerja-kerja penarafan kemudahan di Stadium Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dekat Jalan Betek di sini.

Menurut beliau, balapan sedia ada di sini umpamanya adalah dalam keadaan tidak sempurna, walhal atlet-atlet olahraga negeri telah kembali ke arena untuk memulakan sesi latihan bagi menyahut saingan dalam pelbagai kejohanan, termasuk Sukan Malaysia (SUKMA) 2020 yang ditangguhkan ke bulan Mac tahun hadapan.

“Sebenarnya sejak saya menjadi Exco pada tahun 2018, saya telah meminta peruntukan KBS untuk naik taraf kemudahan infrastruktur seperti balapan di stadium ini.

“Bekas Menteri Belia dan Sukan ketika merasmikan Program Fit Malaysia Zon Utara di Stadium MBSP Jalan Betek ini pada (21 Julai) tahun lepas ada mengulas berhubung peruntukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk projek naik taraf stadium ini.

“Jadi, saya mohon menteri sekarang, beliau pun orang Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Kepala Batas untuk bantu mendapatkan peruntukan KBS bagi menaik taraf stadium ini,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal ketika melawat sesi latihan para atlet olahraga di sini 19 Jun 2020.

Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua serta wakil MBSP turut serta lawatan tersebut.

Selain itu, Lip Chee memberitahu bahawa pihaknya turut berharap normal baharu ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sekarang tidak menjejaskan sesi latihan para atlet negeri ini.

“Sejak dua hari lepas, atlet olahraga dibenarkan ke arena untuk sesi latihan, jadi saya berharap mereka dapat kembali beraksi dan pulihkan lagi stamina semaksimum mungkin secara perlahan-lahan,” ulasnya.

Dalam pada itu, atlet larian 1.5 hingga 3 kilometer (km), **ROSMARIA RINDIANA ROSLI RAJU**, 16, menyatakan bahawa sesi



BARISAN atlet olahraga negeri pada sesi latihan.

Peruntukan KBS demi segerakan naik taraf Stadium MBSP Jalan Betek



ROSMARIA Rindiana Rosli Raju.

latihan di rumah dengan tunjuk ajar jurulatih berjalan seperti biasa setiap hari sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu.

“Jadi, masuk hari kedua sesi latihan di arena sedikit kekok dengan normal baharu.

“Memang normal baharu, sebab di balapan pun mesti amal jarak sosial satu (1) meter (m) antara atlet, pakai pelitup muka dan sebagainya,” katanya yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Damai ketika ditemui Buletin Mutiara.



S. Kausegi.

Nada sama turut diluahkan oleh atlet jalan kaki 10km dan 5km, **S. KAUSEGI**, 18, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di SMK Permai Indah.

Kausegi memberitahu bahawa beliau menarik nafas lega kerana SUKMA 2020 yang dijadualkan pada bulan Julai ini telah ditangguhkan ke Mac tahun depan.

“Ekoran penangguhan ini, saya mempunyai masa yang cukup untuk kembali memulihkan stamina demi merebut pingat dalam kejohanan tersebut.

“Sesi latihan di rumah ketika PKP, *ok* sahaja, buat latihan sikit-sikit (selama) dua jam sehari dengan tunjuk ajar jurulatih (menerusi)

panggilan video.

“Jurulatih saya juga akan hantar video latihan apa perlu dibuat setiap hari mengikut jadual latihan semasa.

“Apabila kembali menjalani latihan di balapan, *ok lah*, seimbang walaupun dalam suasana PKPP, kerana sebelum ini saya menjalani latihan juga di rumah,” katanya yang sedang menunggu tawaran melanjutkan pengajian ke politeknik pilihan.



LEE Xin Mei.

Bagi atlet olahraga negeri Kategori Larian 10km, **LEE XIN MEI**, 17, mengaku ‘sedikit payah’ menjalani kembali latihan di arena, memandangkan kira-kira tiga bulan ketika PKP sebelum ini terbiasa dengan latihan kecerdasan terhad di rumah sahaja.

“Sesi latihan di rumah ketika PKP sebelum ini, dua jam setiap hari, sudah tentu saya tidak boleh dapat impak yang sama seperti latihan di balapan.

“Jadi, apabila kembali ke arena, saya berasa ‘susah sikit’ daripada segi fizikal, tetapi saya yakin boleh cepat pulihkan stamina...sebab sudah lepas saringan kelayakan (bagi sesi) latihan untuk ke SUKMA (2020),” ulasnya yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina) Heng Ee.



SOON Lip Chee (berbaju putih) mengadakan perbincangan dengan salah seorang jurulatih pasukan olahraga bersempena lawatan bagi meninjau sesi latihan para atlet olahraga dekat Stadium MBSP Jalan Betek di sini baru-baru ini.

Pengusaha Taska dan Tadika perlu patuhi SOP ketat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

GEORGE TOWN – Semua pengusaha taman asuhan kanak-kanak (Taska) dan Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika) di negeri ini perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat sebagaimana digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa adalah tanggungjawab pengusaha untuk memastikan keselamatan kanak-kanak sepanjang berada di bawah jagaan mereka.

“Kanak-kanak merupakan kumpulan yang berisiko dan kita (Kerajaan Negeri) berharap agar pengusaha Taska serta Tadika perlu memastikan keselamatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka.

“Oleh itu, kita difahamkan dengan pematuan SOP ini, Taska dan Tadika hanya boleh menerima bilangan kehadiran kanak-kanak yang terhad kerana perlu mematuhi jarak sosial selamat.

“Memandangkan jumlah kehadiran kanak-kanak adalah

terhad, maka ibu bapa yang bekerja masih perlu mengatur perancangan sama ada mahu menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan atau terus bekerja dari rumah,” katanya kepada Buletin Mutiara selepas mengadakan lawatan ke Taska D’Komtar di sini 16 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangan Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga merupakan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang serta Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Dalam pada itu, Kon Yeow berkata bahawa beliau menyambut baik pengumuman Kerajaan Persekutuan yang membenarkan Taska dan Tadika dibuka sepenuhnya mulai 1 Julai 2020.

“Justeru, kita juga berharap agar semua pusat jagaan kanak-kanak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh mulai

1 Julai (2020) memandangkan ia merupakan perkhidmatan perlu (*essential*) bagi ibu bapa yang bekerja.

“Hanya dengan kapasiti penuh sahaja keadaan akan kembali seperti biasa dan ibu bapa boleh menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan,” ujarnya.

Terdahulu, Kerajaan Persekutuan mengumumkan bahawa prasekolah dan Tadika dibuka sepenuhnya mulai 1 Julai 2020 dan tertakluk kepada SOP yang ditetapkan.

Sementara itu, pengusaha Taska D’Komtar, V. Philomena ketika ditemui memberitahu bahawa pihaknya hanya menerima kehadiran maksimum 15 kanak-kanak sahaja pada satu hari sejak Taska itu dibuka mulai 1 Jun lalu.

“Memandangkan kita perlu mematuhi SOP yang ketat, maka kita benarkan hanya maksimum 15 orang kanak-kanak pada satu hari,” ulasnya.

Difahamkan, sebelum tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Taska D’Komtar menerima kehadiran 30 kanak-kanak di pusat jagaan berkaitan yang dibantu oleh tujuh kakitangan sepanjang waktu operasi dari jam 6 pagi hingga 7 petang.

Pemain industri pelancongan pastikan pematuan SOP

TELUK BAHANG – *Entopia*, dahulu dikenali sebagai Taman Rama-rama Pulau Pinang kini dibuka semula dengan tawaran pakej istimewa untuk pelancong tempatan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Entopia, Joseph Goh, pihaknya beroperasi dengan berbandukan pematuan prosedur operasi standard (SOP) ketat sejak 12 Jun lalu dengan menyediakan tawaran pakej menarik terutama kepada mereka yang berkeluarga.

“*Entopia* kini mempunyai pakej terbaru dikenali sebagai ‘*Entopia Fun Hour*’ yang membolehkan para pengunjung mendekati pelbagai jenis serangga di sini seperti rama-rama, papatung, kumbang dan haiwan invertebrata lain bersama-sama keluarga.

“Di bawah pakej ini juga terdapat pelbagai slot aktiviti seperti ‘*Bugs Breeder: Backstage!*’, ‘*My Butterfly Garden*’ dan ‘*Crawlies, Alive!*’ yang pasti memberi pengalaman mengujakan kepada pengunjung,” ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Menurut Joseph, minggu pertama pengoperasian semula, *Entopia* menerima kira-kira 170 pengunjung sehari.

“Jumlah itu meningkat menjadi 500 pengunjung sehari dan mencecah 1,000 pengunjung ketika hujung minggu.

“(Dan) melalui pakej istimewa untuk warga Pulau Pinang ‘*Penang-Kia Day*’, pihak kami memberi potongan harga bayaran masuk sehingga 50 peratus. Jika sebelum ini bayaran masuk RM49 bagi dewasa, kini hanya RM24 begitu juga kanak-kanak dan warga emas hanya RM14 (berbanding RM29 sebelum ini).

“Pakej istimewa ini adalah sah sehingga hujung tahun ini, dan pihak kami berharap warga Pulau Pinang tidak melepaskan peluang keemasan yang kami tawarkan ini,” katanya.

Dalam pada itu, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Negeri Pulau Pinang (PETACH), Yeoh Soon Hin memberitahu bahawa pemain industri pelancongan seperti *Entopia* perlu memastikan pematuan SOP bagi mengekalkan Pulau Pinang sebagai negeri Zon Hijau.

“Pematuan SOP ini penting bagi memastikan kita (Kerajaan Negeri)



YEHO Soon Hin (kiri) diberi penerangan oleh Joseph Goh berhubung pematuan SOP di Entopia bersempena lawatannya di sini baru-baru ini.

dapat mengekalkan status Zon Hijau dan membendung penularan wabak COVID-19 daripada merebak.

“(Dan) semua pihak harus memainkan peranannya dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pematuan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pejabat PETACH bekerjasama erat dengan pemain industri bagi memastikan semua pihak bersedia mematuhi SOP sebelum menerima pengunjung,” maklumnya sejourus mengadakan lawatan kerja ke *Entopia* pada 15 Jun lalu.

Terdahulu, Soon Hin meluangkan masa melawat ke seluruh *Entopia* serta diberi taklimat berhubung pematuan SOP di sini.

Maklumat lanjut berhubung pakej menarik ini boleh didapati melalui laman sesawang <https://www.entopia.com> atau Facebook Page di <https://www.facebook.com/myentopia>.

Tumpu kaedah sewa beli, bantu rakyat miliki kediaman

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri secara serius berhasrat untuk memperluaskan kaedah pemilikan rumah melalui skim sewa beli bagi membantu mereka yang berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sehingga 11 Jun 2020, sebanyak 2,474 unit rumah akan ‘disalurkan’ kepada mereka yang layak menerusi kaedah sewa beli berkenaan.

“Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan jumlah unit yang boleh ditawarkan melalui skim sewa beli ini.

“Seperti semua sedia maklum, Kerajaan Negeri menyasarkan penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) sebanyak 180,000 unit menjelang tahun 2030 yang mana pada Januari lalu, saya telah umumkan bahawa 10 peratus daripada jumlah ini iaitu 18,000 unit perlu dilaksanakan melalui skim sewa beli.

“Melalui mesyuarat Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC), kita telah meluluskan tiga lagi projek iaitu masing-masingnya dua (projek) di Permatang Tok Suboh dan Rumah Pangsa Desa Wawasan untuk dijadikan sebagai

skim sewa beli... iaitu surat tawaran akan diberikan dalam tempoh terdekat,” jelasnya pada sidang media di Komtar 18 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Azrul Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas).

Dalam perkembangan berasingan, Jagdeep yang juga Pengerusi SPEC memaklumkan bahawa bagi membantu penjualan stok rumah berharga RM300,000 ke atas, Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa berkenaan telah bersetuju untuk menurunkan had harga siling yang dibenarkan kepada warga asing.

Tambah beliau, sehingga kini, terdapat kira-kira 3,053 unit rumah masih belum dijual.

“Daripada jumlah (3,053) berkaitan, sebanyak 90 peratus daripadanya adalah unit yang berharga RM300,000 ke atas dan bukannya RMM.

“Bagi tujuan tersebut, kita telah menetapkan bahawa untuk bahagian pulau bagi kediaman landai (*landed*), ia akan diturunkan daripada RM3 juta kepada RM1.5 juta, manakala kediaman bertingkat daripada RM1 juta kepada RM800,000.

“Manakala, bagi kawasan Seberang Perai, kediaman landai bernilai RM1 juta akan diturunkan kepada RM750,000, dan kediaman bertingkat (RM500,000 kepada RM400,000).

“Ingin ditegaskan bahawa keputusan ini sama sekali tidak menjejaskan kepentingan rakyat Pulau Pinang kerana semangannya kita mempunyai stok RMM yang cukup kepada rakyat,” ulasnya.



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) bersama-sama Daniel Gooi Zi Sen (tengah) dan Azrul Mahathir Aziz (kiri/sekali) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Kerjasama semua pihak bantu pengusaha ternakan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar: **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

PULAU BETONG - Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Veterinar Pulau Pinang bagi membantu dalam segi penyediaan makanan terbaik kepada lembu-lembu susu yang bakal diternak oleh seorang pengusaha baru di Paya Kongs, Balik Pulau.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin, pihak berkaitan mempunyai formula adunan berserta kandungan rumput napier bagi memastikan lembu susu yang diternak adalah lebih sihat bagi menghasilkan susu berkualiti.

“Rumput napier ini adalah makanan semula jadi yang berkualiti tinggi tanpa mengandungi bahan kimia.

“Jadi, kita (Kerajaan Negeri) akan tolong Encik Lee Soon Seng iaitu penternak lembu susu yang bakal berkecimpung dalam perusahaan susu lembu bagi mendapatkan campuran bahan makanan berkualiti mengikut saranan Jabatan Veterinar iaitu yang terbaik.

“Sekiranya proses secara organik dan tanpa bahan kimia berbahaya, saya yakin hasil tenusu akan menghasilkan susu terbaik,” ujarnya ketika mengiringi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melawat ladang ternakan Soon Seng di sini 18 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Pegawai Penyelaras Khas bagi kawasan Balik Pulau, Gooi Seong Kin.

Tambah Norlela, lebih menarik, ladang yang bakal diusahakan Soon Seng turut menyediakan pusat pengumpulan susu pertama di Pulau Pinang sekaligus mampu mengelakkan lambakan serta susu terbuang.

“Dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) baru-baru ini, kira-kira satu tan susu di Pulau Pinang terpaksa dibuang ekoran masalah pemasaran setiap hari ekoran ketiadaan pusat pengumpulan susu di negeri ini,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Soon Hin menyatakan bahawa agro pelancongan merupakan salah satu produk baru yang mendapat perhatian pihak Kerajaan Negeri untuk dikembangkan.

“Pulau Pinang perlu cuba produk pelancongan baharu seperti agro pelancongan, dan ini merupakan satu hala tuju yang boleh dikaji serta ditumpukan.

“Selain membekalkan makanan, ia juga boleh mempromosikan ladang-ladang seperti ini sama seperti di New Zealand dan Australia yang mana pelancong ke sana untuk menikmati agro pelancongan,” katanya yang juga ADUN Paya Terubong.

Dalam pada itu, Kon Yeow yakin bahawa



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama Lee Soon Seng (berbaju jingga) dengan berlatarbelakangkan ladang rumput napier bersempena lawatan yang diadakan di sini baru-baru ini.

hasil komitmen barisan Exco dan ADUN terlibat, ia akan membantu petani serta pengusaha setempat berdepan cabaran pasca pandemik.

“Kita melawat Balik Pulau pagi ini untuk melihat ladang Soon Seng, seorang penternak ayam yang mengambil inisiatif untuk mengusahakan ladang tenusu dalam tempoh beberapa bulan lagi.

“Ini termasuk tapak di sebelahnya yang diusahakan penanaman rumput napier untuk makanan lembu susu kelak. Justeru, adalah penting untuk para Exco dan ADUN untuk sentiasa berhubung dengan pengusaha supaya agensi-agensi kerajaan dapat menyalurkan bantuan kepada pengusaha yang sebelum ini tidak mempunyai pengalaman dalam perusahaan tertentu.

“Serentak itu, Exco

juga akan memberi tumpuan kepada sektor bekalan makanan, dan isu ini (bekalan makanan) merupakan isu global serta penting dalam memastikan bekalan makanan adalah mencukupi untuk rakyat,” ulasnya yang juga Exco bagi Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Sementara itu, Soon Seng ketika ditemui berkata bahawa beliau menyasarkan untuk membela kira-kira 100 ekor lembu tenusu.

“Untuk permulaan, sebanyak 20 ekor akan diternak. Walaupun tidak mempunyai pengalaman, saya sudah biasa membela ayam dan dari situ sudah faham sikit-sikit mengenai penternakan haiwan,” ulasnya.

Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town sedia beroperasi dalam normal baharu

GEORGE TOWN - Pemilik-pemilik premis dan komuniti rumah ibadat sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dilihat sudah bersedia untuk beroperasi sepenuhnya dalam keadaan normal baharu.

Perkara tersebut dikongsikan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada *walkabout* beliau di sini 13 Jun lalu.

“Lawatan ini juga adalah sebagai memberikan suntikan moral kepada pemilik-pemilik premis serta komuniti di Tapak Warisan Dunia UNESCO.

“Mereka (pemilik premis dan penggiat seni) kehilangan pendapatan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini, namun mereka berkongsi satu sentimen sama iaitu sudah bersedia menerima semula kehadiran pelancong ke George Town.

“Ini adalah untuk bersama-sama bangkit dengan Kerajaan Negeri dan bangunkan semula ekonomi negeri Pulau Pinang secara menyeluruh,” ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Lawatan kira-kira tiga jam setengah tersebut bermula dari *Church of Assumption*, Lebuh Farquhar melalui Jalan Masjid Kapitan Keling, Lebuh Armenian sebelum tamat di jeti *Weld Quay*.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen dan Pengurus Besar George Town World Heritage Incorporated (GTWHI), Dr. Ang Ming Chee.

Mengulas mengenai pembukaan semula secara penuh rumah ibadat, Kon Yeow menyatakan bahawa perkara tersebut adalah perlu mengikut keputusan serta prosedur operasi standard (SOP) daripada Kerajaan Pusat.

Pada lawatan sama, Kon Yeow bersama-sama rombongannya turut melawat operasi sektor-sektor lain berkaitan seperti pengayuh beca, premis makanan serta minuman, galeri dan kedai cenderahati yang turut menerima impak secara langsung kesan daripada penularan wabak



DELEGASI kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar dengan berlatarbelakangkan Masjid Kapitan Keling pada sesi walkabout di sini baru-baru ini.

COVID-19.

“Walaupun telah banyak sektor diberi kebenaran beroperasi kini, pemilik dan juga orang ramai adalah dirayu supaya sentiasa mematuhi SOP ketika mengoperasikan serta mengadakan lawatan ke premis-premis berkaitan.

“Sebagai jaminan kesihatan awam pula, saya menyeru agar kita terus kekalkan semangat yang kita tunjukkan sepanjang lebih daripada 80 hari tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan PKP Bersyarat sebelum ini iaitu memakai pelitup muka, amalan membasuh tangan, penjarakan sosial dan memantau sebarang simptom yang perlu dilaporkan kepada pihak berwajib.

“Malah, dalam tempoh ini juga, semua pihak tidak boleh mengambil mudah tentang SOP yang dinasihatkan seperti jumlah kehadiran dalam premis... jangan sesekali mengambil risiko.

“Sebagai tambahan, saya juga yakin bahawa pihak berkuasa akan terus memantau keadaan dari semasa ke semasa sehingga pengoperasian penuh setiap sektor kelak,” ulasnya yang juga Ahli Parlimen Tanjung.

Pastikan pengguna mengamalkan 5 KUNCI KESELAMATAN MAKANAN semasa membeli makanan sedia dimakan di pasar

- 

1 Amal kebersihan diri dan kerap cuci tangan
- 

2 Asingkan makanan mentah dan sudah dimasak
- 

3 Masak dengan cara yang betul
- 

4 Simpan makanan pada suhu yang selamat
- 

5 Gunakan air dan bahan mentah yang selamat

Selepas membeli makanan dari pasar, anda perlu :

- 

1 Cuci tangan dengan air dan sabun sebelum menyediakan makanan
- 

2 Basuh sayur dan buah dengan air sebelum makan
- 

3 Simpan makanan mudah rosak dalam peti sejuk
- 

4 Masak makanan dengan sempurna terutamanya daging, ayam, telur dan makanan laut

KESELAMATAN MAKANAN TANJUNGPINANG BERSEKUTUAN #WorldFoodSafetyDay2020

Kaunter Siber MBSP sedia 100 jenis perkhidmatan

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SEBERANG JAYA - Pandemik COVID-19 yang membawa kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lepas mempercepatkan lagi usaha pendigitalan perkhidmatan pelanggan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sendiri.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud kerana berjaya menyediakan 100 jenis perkhidmatan pelanggan menerusi Kaunter Siber (*Cyber Counter*) pada laman web www.mbsp.gov.my.

"Satu perkara yang positif daripada PKP, walaupun ada sekatan pergerakan, namun dalam maya tiada sekatan... perkhidmatan (pelanggan) MBSP boleh beroperasi 24 jam, tujuh hari dalam seminggu dan 365 hari dalam setahun.

"Syabas kepada MBSP kerana telah memperhebatkan lagi penggunaan teknologi informasi (IT).

"Saya mendapati (PKP) sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan rakyat terhadap teknologi digital," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Rozali dekat Laman Media, Menara Bandaraya di sini pada 16 Jun 2020.

Selain Rozali, turut berucap, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Angkat bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod dan barisan Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Rozali yang ditemui selepas itu memberitahu bahawa pentadbirannya sebelum PKP lagi, telahpun memulakan usaha mendigitalkan perkhidmatan MBSP sebagai selaras dengan Visi Penang2030 iaitu gagasan pembangunan jangka panjang

negeri selama sedekad sehingga tahun 2030.

"Pada 5 Oktober 2019, sebelum negara dilanda pandemik COVID-19 lagi, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, YB Jagdeep Singh Deo yang melancarkan 11 jenis kaunter siber dalam satu majlis di Pasar Raya Mydin Bertam.

"Pembayaran cukai taksiran serta pembayaran kompaun antara 11 jenis perkhidmatan yang disediakan oleh MBSP secara digital pada ketika itu," ujarnya.

Selari dengan normal baru ketika PKP, tambah Rozali, pihaknya mendigitalkan 89 lagi perkhidmatan lain demi meningkatkan mutu pelanggan MBSP.

"Menerusi '*Cyber Counter*' MBSP ini, kita turut sediakan seksyen untuk PTG (Pejabat Tanah dan Galian), MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) dan PBAPP (Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang).

"Kalau pelanggan MBSP nak bayar bil air kepada PBAPP umpamanya, boleh dibayar menerusi '*Cyber Counter*' MBSP kita.

"(Kaunter Siber) MBSP ini adalah kolaborasi pintar kita dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri, yang memberi faedah kepada rakyat.

"Kos pendigitalan perkhidmatan '*Cyber Counter*' MBSP ini sangat sedikit...jadi, demi rakyat, tiada caj tambahan dikenakan untuk 100 jenis perkhidmatan yang boleh dibuat secara dalam talian kepada pelanggan kita," ulasnya.

Selain itu, Rozali menyatakan bahawa pihaknya turut menyediakan Sudut '*Cyber Counter*' di Menara Bandaraya untuk mendorong pelanggan membiasakan diri dengan sistem digital yang disediakan.

"Sehingga kini, kita (MBSP) masih membuka enam



SR. Rozali Mohamud (kiri sekali) mengiringi Ketua Menteri pada lawatan khas ke '*Cyber Counter*' MBSP di sini baru-baru ini.

Kaunter Setempat (OSC) di Menara Bandaraya MBSP ini untuk golongan terpilih seperti OKU (orang kurang upaya), warga emas yang tidak mesra sistem perkhidmatan dalam talian, membuat pembayaran atau aduan atau konsultasi secara luar talian.

"Tetapi, bagi muda-mudi serta mereka yang mampu menggunakan internet, kalau tidak biasa dengan '*Cyber Counter*' ini, kita (MBSP) sediakan '*Cyber Counter Corner*' untuk mereka belajar sendiri daripada kakitangan bertugas berhubung kaedah menggunakan 11 jenis perkhidmatan dalam talian ini," katanya.

Justeru, Rozali yakin bahawa normal baharu kini akan mempercepatkan lagi pelanggan MBSP menggunakan '*Cyber Counter*'.

"(Paras) transaksi dalam talian pelanggan MBSP bagi tahun 2019 hanya 39 peratus sahaja, tapi sehingga 30 April 2020 telah meningkat kepada 43 peratus.

"Ini, peningkatan yang sangat tinggi," jelasnya sambil mengangap PKP sebagai peluang untuk MBSP sendiri menyesuaikan diri dengan normal baharu demi meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan.

'Wall climbing' bakal dipromosi dalam kalangan pelajar sekolah rendah

SUNGAI PINANG - Sukan '*wall climbing*' mungkin masih baharu di Pulau Pinang, namun dengan usaha pembangunan yang jitu ia mampu mencetuskan minat golongan pelajar peringkat rendah.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa pihaknya berminat untuk mempromosikan sukan tersebut dalam kalangan pelajar sekolah rendah menjelang tahun hadapan.

"Di bawah portfolio Belia dan Sukan, saya merancang untuk menyetengahkan aktiviti sukan *wall climbing* ini kepada pelajar sekolah rendah terutamanya yang berusia 10 tahun dan ke bawah iaitu menerusi Program Sports For All.

"Sukan *wall climbing* ini bukan sahaja memerlukan fokus dan kekuatan mental yang tinggi, tetapi fizikal, ketangkasan, ketahanan serta teknik yang betul mampu menarik peminatnya tersendiri," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke *HangOut Climbing Gym* dekat Jelutong di sini 15 Jun lalu.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua dan pengasas bersama *HangOut Climbing Gym* iaitu Dr. Ooi Ben Shyen dan Ooi Boon Shin.

Semasa lawatan tersebut, Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal tidak melepaskan peluang untuk mencabar diri dan meningkatkan daya adrenalinnya dengan memanjat tembok.

Aktiviti *wall climbing* atau panjat tembok pada dasarnya adalah antara sukan atau aktiviti *mainstream* kegembiraan ramai.

Menurut Ben Shyen, *HangOut Climbing Gym* merupakan cawangan kedua berkonsepkan '*bouldering*', manakala cawangan pertamanya yang terletak di Bukit Gambir adalah berkonsepkan '*top rope*'.

Menurut beliau, meskipun terpaksa menagguhkan pembukaan *HangOut Climbing Gym* sejak Mac lalu disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun kini pusat kecergasan tersebut mendapat sambutan luar biasa pada hari pertama pembukaannya (14 Jun 2020).

"Kami melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) ketat, yang mana kita melakukan pensanitasi tembok sekerap mungkin, ia adalah perubatan dekat sebuah institusi perubatan swasta di negeri ini.

Impak pandemik, Pulau Pinang teruskan sasaran RMM

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

BATU UBAN - Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menegaskan bahawa pihaknya akan meneruskan sasaran pembinaan 180,000 pelbagai rumah mampu milik (RMM) menjelang tahun 2030 meskipun berdepan dengan ketidakstabilan ekonomi semasa akibat daripada pandemik COVID-19.

Menurut beliau, umumnya, RMM adalah perumahan paling sesuai dibina ketika keadaan ekonomi tidak menentu kerana ia sentiasa mempunyai kapasiti permintaan yang tinggi.

"Seperti semua maklum bahawa Pulau Pinang meletakkan sasaran 180,000 unit pelbagai rumah mampu milik (RMM) dapat dibina di negeri ini iaitu daripada perumahan kos rendah (KR) yang bernilai RM45,000 sehingga RMM berharga RM300,000.

"Kesan daripada impak COVID-19 mungkin ada sesetengah pihak berpendapat bahawa perlu untuk kecilkan sasaran pembinaan RMM, tetapi bagi saya adalah sebaliknya yang mana kita (Pulau Pinang) akan tetap meneruskan usaha untuk mencapai jumlah unit

yang disasarkan.

"Malahan, saya akan adakan mesyuarat lanjut dan berkemungkinan akan tingkatkan (sasaran) kuantitinya kerana kita tidak tahu kesan daripada pandemik COVID-19 ini terhadap ekonomi akan berlanjutan sampai bila," ujarnya ketika menjalankan pemantauan tapak projek perumahan mampu milik dekat Bayan Mutiara di sini 26 Jun lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali, wakil Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak pemaju, *Asia Green Group*.

Projek perumahan mampu milik berkeluasan 850 kaki persegi (kp) dekat The Zen, Bayan Mutiara merupakan projek RMM berlandaskan garis panduan Kerajaan Negeri sepenuhnya yang dimajukan pihak swasta, *Asia Green Group*.

Menurut Jagdeep, keperluan terhadap RMM semakin tinggi dan ia dibuktikan dengan penjualan 1,200 unit RMM The Zen berharga RM300,000 yang mana ia telah habis dijual sepenuhnya.

"Ini menunjukkan betapa larisnya projek RMM, pemaju

mungkin boleh bina rumah jutaan ringgit tapi ia susah untuk dijual disebabkan kuasa pembelian yang kurang tambahan pula ketika situasi COVID-19 ini," ulasnya sambil menegaskan pemaju supaya sentiasa menjaga kualiti RMM yang dibangunkan.

Mengulas lanjut mengenai pemantauan yang dijalankan pihaknya di tapak projek, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat secara keseluruhannya menzahirkan rasa puas hati terhadap pematuhan SOP yang dipraktikkan pihak pemaju berkenaan.

"Secara dasarnya kita dapat melihat SOP lazim seperti pemeriksaan suhu badan dan lain-lain dipraktikkan di sini dalam tempoh kebiasaan (normal) baharu.

"Saya gembira untuk menyatakan bahawa bukan sahaja di sini (tapak pembinaan), malah di seluruh Pulau Pinang untuk sektor pembinaan, semua pekerja asing yang mencecah 13,000 orang telah berdaftar untuk menjalani ujian saringan COVID-19.

"Sebanyak 80 peratus daripada jumlah tersebut telah menjalani saringan dan keputusan 100 peratus kesemuanya adalah negatif," jelasnya lanjut.

DR. Mohd. Sayuti Hassan.

Impak pandemik COVID-19 kepada alam sekitar



kepada
Green
House Gas.
"Ia ada

PELAKSANAAN Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik COVID-19 bukan sahaja membawa kepada kehidupan normal baharu kepada masyarakat dunia, tetapi turut memberikan 'nafas baharu' kepada alam sekitar dan iklim dunia ketika ini.

Tempoh 'lockdown' yang berterusan di lebih 20 negara sebenarnya merupakan tempoh 'berehat' dan *natural healing* kepada bumi yang sudah berusia berbilion tahun.

Tahukah anda, sekatan perjalanan dan operasi sektor perindustrian yang dilaksanakan di bawah langkah *lockdown* dalam membendung wabak COVID-19 berjaya mengurangkan pencemaran udara di seluruh dunia pada tahap yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Timbalan Pengarah Pusat Kajian Kelestarian Global, Universiti Sains Malaysia (USM), DR. MOHD. SAYUTI HASSAN berkata bahawa impak positif tersebut tidak terkecuali di Malaysia apabila sungai-sungai tidak lagi dicemari dengan toksik bahan kimia ekoran semua operasi sektor perindustrian yang diminimumkan.

"Malah, indeks kualiti sungai bertambah baik hingga mencapai 90 peratus, Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut melaporkan bahawa peningkatan yang signifikan dalam WQI (Indeks Kualiti Air) sungai di kawasan hulu atau lembangan sungai.

"Hasil daripada PKP yang dikuatkuasakan di negara ini, tiada lagi kenderaan bertali arus susulan langkah sekatan perjalanan...udara

bertambah bersih akibat kekurangan pergerakan kenderaan dan industri, perkara ini turut disahkan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (MEWA).

"Melalui satu laporan yang dikeluarkan, MEWA mengesahkan bahawa berlaku peningkatan kualiti udara sebanyak 14 peratus dengan kualiti udara dikategorikan sebagai 'baik' berdasarkan Indeks Pencemaran Udara (IPU)," jelas beliau ketika ditemubual secara atas talian oleh wartawan Buletin Mutiara, NORSHAHIDA YUSOFF di sini baru-baru ini.

Mohd. Sayuti yang kini telah 25 tahun berkhidmat turut memperkukuhkan fakta tersebut dengan beberapa laporan yang dikeluarkan di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *National Aeronautics and Space Administration* (NASA) menyatakan bahawa pencemaran nitrogen dioksida yang dilepaskan oleh kenderaan, loji jana kuasa dan industri telah menurun sebanyak 30 peratus di Timur Laut Amerika Syarikat.

"Manakala, penyelidik dari New York menyatakan bahawa karbon monoksida yang sumber utamanya terhasil daripada pelepasan asap kereta telah menunjukkan gaya penurunan sebanyak 50 peratus berbanding tahun lalu (2019).

"Ini memberikan kesan yang baik serta secara tidak langsung terhadap kadar pencemaran udara serta pelepasan gas rumah kaca ke sistem iklim global.

"Asap kenderaan dan aktiviti perindustrian

yang merupakan penyumbang karbon dioksida (CO₂) kedua tertinggi di Malaysia iaitu pada kadar 23 peratus dapat dikawal ke tahap paling minimum.

"Buktinya ialah rekod bacaan IPU di kebanyakan kawasan yang secara purata di bawah tahap sederhana iaitu kurang daripada 60, manakala kawasan seperti Kuantan, Pahang; Tanjung Malim, Perak; Paka, Terengganu; Alor Setar, Kedah; Kangar, Perlis dan beberapa kawasan di Sarawak mencatatkan IPU di bawah 50 iaitu di tahap baik," ujarnya lanjut yang juga mempunyai pengalaman selama empat tahun dalam sektor industri sebelum ini.

Terkini, berita kebocoran atau lubang besar lapisan ozon di kawasan Artik yang telah kembali tertutup memberi harapan baharu kepada alam semula jadi.

Lubang atau kebocoran ini dikatakan berpunca daripada keadaan atmosfera yang luar biasa, malah maklumat itu turut disahkan oleh Perkhidmatan Perubahan Iklim Copernicus (C3S) dan Perkhidmatan Pemantauan Atmosfera Copernicus (CAMS) Pusat Ramalan Cuaca Eropah (ECMWF).

Mengulas lanjut, Mohd. Sayuti menyatakan bahawa fenomena berkaitan mempunyai kaitan secara langsung dengan penurunan aktiviti manusia.

"Pengurangan CO₂ yang dibebaskan ke udara secara langsung akan memberi kesan

kepada kaitan secara langsung dengan kurangnya pergerakan kenderaan, aktiviti industri yang diminimumkan dan juga semua jenis pengangkutan barangan juga berada pada tahap sangat minimum.

"Semua aktiviti manusia terhadap udara, air dan tanah diberhentikan serta-merta, ia juga secara tidak langsung memberi kesan kepada lapisan ozon untuk bercantum semula kerana semua aktiviti yang dilakukan manusia sebelum ini kebanyakannya menyumbang kepada penipisan lapisan ozon sehingga memberi ancaman terhadap kehidupan di muka bumi ini.

"Justeru, PKP dan *lockdown* di seluruh dunia sedikit-sebanyak memberi manfaat kepada manusia kerana secara amnya, fungsi lapisan ozon adalah untuk melindungi manusia daripada sinaran ultraungu (UV) matahari yang menjadi penyebab kanser kulit," tambahnya yang gemar mengumpulkan barangan antik sebagai hobi pada waktu senggang.

Kelestarian Alam

Disoal mengenai kelestarian alam sekitar, Mohd. Sayuti memaklumkan bahawa ia terbahagi kepada tiga komponen iaitu persekitaran, sosial dan ekonomi.

Kata beliau, ketiga-tiga komponen tersebut mempunyai pertalian langsung dengan kehidupan manusia.

"Imbangan ketiga-tiga komponen ini adalah amat penting tanpa melebihi salah satu daripadanya untuk memastikan dunia ini lebih lestari.

"Contohnya, jika manusia hanya menumpukan kepada ekonomi semata-mata tanpa mengambil kira persekitaran dan sosial, maka sudah pastilah ia akan mengakibatkan berlakunya perubahan iklim... dan jika ini berlaku kehidupan manusia akan terancam.

"Justeru, pembangunan yang dilakukan perlu memenuhi kehendak generasi masa kini tanpa mengabaikan keperluan generasi akan datang seperti mana definisi oleh *Brundtland's Commission Report* (1987) bahawa:

"Sustainable development is the development that meets the social, economic and environmental needs of the present without compromising the ability of future generations to meet their own needs"

"Pemahaman generasi kini terhadap kelestarian hanya merujuk kepada pertumbuhan sahaja, sedangkan skop kelestarian itu sendiri menyeluruh," ulasnya sebelum mengakhiri sesi temu bual diatur.

PINJAMAN PENDIDIKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG SESI 2020 / 2021

Permohonan Boleh Dibuat Secara Online mulai
1 JUN hingga 30 OGOS 2020

melalui <http://epp.penang.gov.my>

“ Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang ”

Unit Pinjaman Penuntut, Seksyen Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
04-6505541 / 5165 / 5391 / 5627 / 5599



Keunikan PATUNG BERUANG buatan tangan

TEKNIK mencantumkan patung beruang menggunakan skru bagi membolehkan bahagian tangan dan kaki dapat digerakkan.

Oleh : **SUNART YUSOFF**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

EKORAN penularan pandemik COVID-19 yang menjejaskan sektor pelancongan terutamanya daripada segi jumlah kedatangan pelancong antarabangsa ke negara ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini memberi tumpuan untuk mempromosikan lebih banyak produk pelancongan tempatan.

Di Pulau Pinang, terdapat pelbagai faktor yang menarik kehadiran pelancong ke negeri ini sama ada dari dalam dan luar negara termasuk makanan, lokasi ekopelancongan, keunikan seni, budaya serta warisan dan tidak terkecuali juga penghasilan produk-produk kraftangan.

Helen's Handmade Bear yang beroperasi di Jalan Besar, Simpang Ampat dekat Bukit Tambun antara produk kraftangan unik yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai salah satu daya tarikan pelancong di negeri ini.

Pengasasnya, Helen Lee ketika ditemui Buletin Mutiara memberitahu bahawa perniagaan patung beruang buatan tangan tersebut dimulakan sejak tahun 2006 sebagai hobi sebelum berkembang menjadi sebuah perniagaan.

Beliau yang dibesarkan di perkampungan nelayan dekat Batu Kawan sangat menggemari kraftangan sejak kecil. Justeru, beliau sering ke pantai untuk mencari pelbagai jenis kulit kerang bagi menghasilkan pelbagai produk kraftangan.

Hobi kepada kerjaya

Daripada sekadar hobi, Helen kemudiannya melangkah setapak lagi dengan



PATUNG beruang setinggi sembilan kaki yang diiktiraf MBOR pada tahun 2015.

menghasilkan patung beruang buatan tangan sebagai pekerjaan sampingan yang mampu menjana pendapatan.

Beliau yang pernah bekerja sebagai seorang pereka grafik sebelum ini sememangnya mempunyai minat yang mendalam dalam menghasilkan patung beruang buatan tangan.

"Saya mengambil keputusan berhenti kerja untuk membina jenama saya sendiri yang dikenali sebagai *"Helen's Handmade Bear"* yang bermaksud semua patung beruang dihasilkan adalah melalui proses buatan tangan.

"Pada tahun 2012, saya mengadakan



SEBAHAGIAN koleksi yang dihasilkan.

pameran patung beruang buatan tangan saya yang pertama dekat Batu Ferringhi dan diteruskan setiap tahun sehingga tahun 2016.

"Hasil jualan produk daripada pameran ini akan disumbangkan kepada Pusat Jagaan Pertubuhan Perlindungan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan juga *Penang Breast Cancer Society* bagi membantu lebih ramai golongan memerlukan," jelasnya.

Bercerita lanjut, Helen memberitahu bahawa berbanding produk sama yang ada di pasaran, keistimewaan patung beruang buatan tangan beliau adalah terletak pada fungsi tangan serta kaki patung yang boleh digerakkan.

"Ini kerana, setiap bahagian patung beruang dicantum menggunakan skru selain penggunaan warna, bahan dan reka bentuk yang khas serta dihasilkan dalam pelbagai saiz mengikut permintaan pelanggan.

"Kebiasaannya, patung beruang buatan tangan akan mengambil masa kira-kira tiga hingga empat jam bermula dari proses reka bentuk, padanan warna, jahitan dan cantuman. Jika saya tumpukan sepenuh perhatian, satu hari saya mampu siapkan 10 patung beruang.

"Setakat ini, patung beruang paling sukar yang pernah saya hasilkan adalah bersaiz paling kecil iaitu 1.5 sentimeter (cm)," ujarnya.

Selain sentiasa mempelajari seni kraftangan bagi meningkatkan kemahiran diri, Helen turut mengambil bahagian dalam pameran di Macau pada setiap tahun untuk mempromosikan karya-karyanya.

Diiktiraf MBOR

Helen memberitahu bahawa patung beruang buatan tangan setinggi sembilan kaki telah berjaya mendapat pengiktirafan dalam *Malaysia Book of Records (MBOR)* pada 14 Disember 2015, sebagai patung beruang buatan tangan terbesar di negara ini.

"Patung beruang ini dipamerkan dekat pusat membeli-belah *Gurney Paragon* pada 8 Oktober 2015 bersempena kempen kesedaran mengenai pentingnya pencegahan barah payudara," ulasnya lagi.

Ditanya mengenai keadaan perniagaan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Helen menyatakan bahawa permintaan terhadap patung buatan tangan beliau juga turut terjejas.

"Beberapa pameran dan aktiviti yang sepatutnya dianjurkan di dalam dan luar negara pada tahun ini terpaksa dibatalkan ekoran penularan COVID-19. Justeru, saya menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap perniagaan secara dalaman.

"Disebabkan COVID-19, saya hanya menghasilkan patung beruang dengan reka bentuk khas dan menjualnya di internet kepada pelanggan tetap kerana tidak ada pelanggan baru sepanjang tempoh ini," jelasnya.

Walau bagaimanapun, Helen berkata bahawa beliau mempunyai satu impian iaitu untuk mendirikan sebuah muzium bagi mempamerkan semua semua patung beruang yang pernah dihasilkan selain dapat menjadi salah satu daya tarikan pelancong di negeri ini.



HELEN Lee menunjukkan patung beruang buatan tangan paling mahal pernah dihasilkan ekoran penggunaan bahan khas yang diimport dari luar negara.

MSNPP fokus lahir atlet berkualiti

PENULARAN pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi tetapi juga kesejahteraan dan kelangsungan kehidupan masyarakat dunia.

Begitu juga atlet yang terkesan dan terpaksa berdepan dengan cabaran getir apabila semua jenis aktiviti latihan, serta pertandingan ditangguhkan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara berkata bahawa cabaran sebenar para atlet bukan disebabkan penangguhan aktiviti latihan, sebaliknya mencari semula momentum untuk meneruskan sesi latihan dan kembali berada dalam prestasi seperti sebelum PKP.

“Misalnya, atlet SUKMA (Sukan Malaysia) bagi sukan tertentu yang memerlukan ruang melakukan rutin seperti wushu, mereka perlu berlatih di pusat latihan spesifik yang lantainya berlapik.

“(Dan) kini apabila mereka



SOON Lip Chee (empat dari kanan) dan Harry Chai Heng Hua (tiga dari kiri) merakamkan pose istimewa bersama-sama atlet tinju Pulau Pinang bersempena lawatan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

kembali berlatih, mereka perlu mempertingkatkan sesi latihan untuk capai tahap ketangkasan dan kecergasan seperti sebelum ini. Saya percaya mereka mampu melakukannya dan mempersiapkan diri untuk menghadapi sebarang kejohanan mahupun temasya sukan,” ujarnya sejurus mengadakan lawatan ke Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dekat Batu Uban pada 19

Jun lalu bagi meninjau sesi latihan atlet SUKMA bagi sukan wushu di sini.

Menemani beliau, Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua serta beberapa pegawai sukan lain.

Difahamkan, selain meninjau sesi latihan atlet SUKMA di MSNPP, beliau turut melawat ke fasiliti atlet olahraga di Kompleks Sukan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP);

atlet menembak di Kelab Menembak Pulau Pinang; atlet kanu di Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bunga dan atlet karate kata di pusat latihan di Jalan Transfer.

Dalam perkembangan sama, Lip Chee turut meluahkan masa meninjau sesi latihan atlet tinju negeri.

“MSNPP kini sedang memberi fokus untuk melahirkan atlet tinju berkualiti walaupun ia bukan sukan yang popular di Pulau Pinang, namun pencapaian sukan tinju dalam SUKMA lalu adalah sangat baik.

“Peninju Pulau Pinang pernah memenangi satu pingat emas dan satu pingat perak pada siri SUKMA lalu, jadi kita (Kerajaan Negeri dan MSNPP) akan menumpukan pembangunan sukan tinju di negeri ini.

“(Dan) kita masih mencari bakat-bakat baru untuk diasah pada kejohanan akan datang,” katanya.

Dalam pada itu, Heng Hua ketika ditemui memaklumkan bahawa kini terdapat 15 peninju di bawah seliaan

Johnny Kasiran dan 17 atlet wushu di bawah jurulatih, Chong Mei Fei.

“Saya yakin para atlet negeri dapat menangani cabaran untuk mempersiapkan diri ke tahap asal meskipun terpaksa berlatih dalam suasana normal baharu.

“Para atlet serta jurulatih perlu saling bekerjasama dalam memastikan matlamat utama sesi latihan dapat dicapai sama ada melalui pemantauan atau pengawasan secara langsung.

“Lagipun, atlet kita sentiasa bersemangat waja dan amat berdedikasi meneruskan sesi latihan yang diatur oleh jurulatih masing-masing sepanjang PKP lalu, cuma kini mereka perlu meneruskannya sepanjang fasa PKP Pemulihan (PKPP) sehingga penghujung Ogos ini” jelasnya yang turut kagum dengan inisiatif para atlet serta jurulatih yang mengadakan sidang latihan menggunakan video ketika tempoh PKP lalu.

(Rujuk juga muka 16).

Atlet diseru kembalikan momentum

GEORGE TOWN – Para atlet negeri ini perlu segera memulakan latihan secara intensif dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi memulihkan prestasi masing-masing.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa tempoh rehat yang panjang ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu secara tidak langsung telah menyebabkan para atlet tidak dapat mencapai prestasi sebenar mereka.

“Fasa sekarang adalah atlet perlu lebih bersungguh-sungguh untuk kembalikan momentum yang mungkin ‘hilang’ ketika ketiadaan latihan semasa PKP.

“Saya faham, mereka (atlet) turut jalani latihan di rumah namun ia tidak sama dengan julatlah di tempat yang dikhaskan.

“Namun, peningkatan intensiti latihan perlu dilakukan secara berperingkat agar dapat mengelakkan faktor-faktor kecederaan,” ujarnya pada sesi lawatan ke kem latihan

skwad Karate Kata di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) Harry Chai Heng Hua dan jurulatih, Ku Jin Keat serta Lim Lee Lee.

Lip Chee dalam pada itu turut menyatakan bahawa skuad karate Pulau Pinang juga tidak pernah menunjukkan prestasi mengecewakan kerana sentiasa menyumbang banyak pingat emas khususnya pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA).

“SUKMA di Perak pada tahun 2018, pasukan karate menyumbang empat pingat emas dan saya difahamkan bahawa skuad Karate Kata di kem kebangsaan juga banyak diwakili oleh atlet dari Pulau Pinang,” tambahnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Dalam pada itu, Lee Lee ketika ditemui memberitahu bahawa pihak persatuan mematuhi penuh prosedur operasi standard (SOP) sebagaimana digariskan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Ini termasuk menghadkan hanya lapan pelatih sahaja pada satu-satu masa. Bagi sesi latihan, hanya dua hingga tiga sesi sehari diadakan bergantung kepada para pelatih,” jelasnya.



LIM Lee Lee.



SESI latihan yang diadakan di kem latihan skuad Karate Kata.

Ikan laga bendung pembiakan nyamuk aedes, inisiatif ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

AIR ITAM – Peka terhadap penularan wabak denggi di lokaliti tempatan telah mendorong para penduduk di Flat Desa Mawar dekat sini sepakat mengadakan gotong-royong bagi memerangi wabak berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang ketika ditemui berkata, program gotong-royong komuniti yang dianjurkan oleh pengurusan Flat Desa Mawar bersama-sama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Thean Teik itu mendapat penyertaan yang memberangsangkan.

“Aktiviti bergotong-royong ini sering dijalankan oleh penduduk di sini sebelum ini, namun kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu, aktiviti ini tertangguh.

“Kini, kira-kira 80 penduduk menyertai gotong-royong ini dan merupakan penyertaan teramai dalam aktiviti komuniti sebegini di sini,” ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), pasukan bomba sukarela dan Polis Diraja Malaysia Bandar Baru yang turut serta menjayakan aktiviti gotong-royong pada 21 Jun lalu di sini.

Mengulas lanjut, Soon Siang berharap dengan penganjuran aktiviti gotong-royong berkaitan sekaligus dapat membendung serta memerangi penularan wabak denggi di sini.

“Risalah berkaitan bahaya demam denggi dan tatacara menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes juga telah diedarkan kepada



JOSEPH Ng Soon Sing menunjukkan ikan laga dan risalah yang diedarkan kepada peserta bersempena penganjuran program gotong-royong di sini baru-baru ini.

semua penghuni di sini.

“Saya menggesa penduduk di sini supaya dapat membersihkan kawasan kediaman masing-masing secara berkala bagi memastikan persekitaran yang lebih bersih dan selamat,” sarannya.

Menariknya, Soon Siang berkongsi inisiatif baharu membendung pembiakan jentik-jentik menggunakan kaedah semulajadi yang lebih selamat.

“Ikan laga spesies ‘Betta’ dapat membendung pembiakan serangga pembawa penyakit seperti nyamuk aedes.

“Di kejiranan ini, ramai penternak ikan laga, maka saya akan bekerjasama erat dengan mereka untuk menjayakan inisiatif baharu ini.

“Jika sebelum ini, penternak membuang ikan laga yang rendah kualiti, tetapi dengan inisiatif baharu ini, ikan-ikan tersebut dapat diberikan kepada saya untuk diserahkan kepada penduduk di sini.

“Mana-mana penduduk di Flat Desa Mawar yang berminat boleh ke Pusat Khidmat saya dan kita akan serahkan untuk dibela,” seru beliau.

MICE sedia dibuka berdasarkan SOP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

PANTAI JEREJAK - Kelonggaran pembukaan sektor MICE iaitu mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran pada fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) diharap memperoleh respons sebaiknya oleh para pengusaha terhadap normal baharu dipraktikkan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa meskipun pelbagai prosedur operasi standard (SOP) ketat dikenakan, namun kesempatan tersebut seharusnya digunakan oleh para pengusaha pelancongan dan MICE untuk melakukan yang sebaik-baiknya meskipun mempunyai kekangan.

Menurut beliau, pendekatan penjenamaan semula para pengusaha adalah perlu terhadap ruang awam dan pusat konvensyen bagi penganjuran MICE iaitu cabaran besar kepada pihak berkenaan.

“Kita berharap para pengusaha dapat respons terhadap normal baharu ini kerana ia (normal baharu) yang akan memberi impak kepada pengusaha secara tidak langsung.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita akan cuba sedaya-upaya untuk bekerjasama dengan para pengusaha untuk menyakinkan rakyat serta pelbagai subsektor lain bahawa walaupun SOP ketat dikenakan, namun penganjuran mesyuarat dan sebagainya masih boleh diadakan selagi SOP dipatuhi,” ujarnya sejurus melakukan lawatan ke SPICE Konvensyen Centre di sini bagi meneliti persediaan terhadap pematuhan SOP digariskan pada 20 Jun lalu.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Dato’ Abdul Halim Hussain (Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan); Dato’ Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP)



KETUA Menteri, barisan **kepimpinan** Kerajaan Negeri dan **wakil-wakil** berkaitan merakam **gambar kenangan** sejurus lawatan ke **SPICE Konvensyen Centre** di sini baru-baru ini.

dan Ng Han Seong (Pengurus Besar Kumpulan SP Setia) turut hadir sama.

Terdahulu, Menteri Kanan (Keselamatan) mengumumkan kebenaran penganjuran MICE dengan beberapa SOP ketat antaranya hanya mengehadkan

peserta seramai 250 orang sahaja.

Justeru, sebagai lokasi penganjuran MICE tersohor di Pulau Pinang, pihak SPICE telah membuat persediaan rapi mengikut garis panduan SOP ditetapkan.

Bercakap pada sidang media sama, Soon Hin memberitahu bahawa sekiranya bukan disebabkan pandemik COVID-19, Pulau Pinang dijangka menerima lebih 2,000 aktiviti MICE pada tahun ini.

“Ia merupakan kerugian besar kepada negeri, tetapi kita (Kerajaan Negeri) tidak pernah menghentikan apa yang telah dilakukan sebelumnya dalam memaparkan Pulau Pinang sebagai satu destinasi MICE yang unggul.

“Malah, sebagai persediaan menerima kembali aktiviti MICE, pejabat saya (PETACH) bersama-sama dengan PICEB (*Penang Convention & Exhibition Bureau*) telah merangka satu SOP holistik.

“SOP ini dirangka dengan mengambil kira pandangan pemegang taruh dan pemain industri terlibat termasuk hotel, pengangkutan serta sebagainya.

“Sebagai sebuah negeri yang merupakan destinasi MICE, kita kini bersedia untuk membuka kembali sektor MICE dengan pelaksanaan semua SOP ditetapkan Kementerian,” ulas beliau.



KEPATUHAN terhadap SOP ditetapkan di dewan-dewan persidangan.

Penyelenggaraan rumah pangsa, Kerajaan Negeri prihatin

AIR ITAM - Kerajaan Persekutuan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin 2020 pada 1 Jun lepas mengumumkan kelulusan RM5.25 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan 21 unit lif membabitkan tujuh blok Rumah Pangsa Padang Tembak di sini.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa beliau begitu gembira mengenai pengumuman itu, walaupun sedar perbezaan politik kepartian antara Kerajaan Negeri dan Pusat.

“Dalam hal perbekalan dan penyelenggaraan perumahan, maka kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) akan terus berhubung dan berbincang dengan Kerajaan Pusat, tanpa mengira (sentimen perbezaan) politik.

“Dan, saya gembira untuk menyatakan bahawa sehingga hari ini, kita (Pulau Pinang) mendapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Pusat melalui pelbagai saluran kewangan untuk pelaksanaan pelbagai skim penyelenggaraan perumahan di Pulau Pinang,” ujarnya ketika memantau keadaan kemudahan asas di kawasan rumah pangsa berkenaan dekat sini pada 22 Jun 2020.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai; Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, ‘Ainul Fadhilah Samsudi dan Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Pengurusan Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Di samping itu, Jagdeep menyatakan bahawa sehingga 21 Jun 2020, sebanyak 75 permohonan projek penyelenggaraan perumahan awam telah diluluskan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dengan peruntukan Persekutuan sejumlah RM31.7 juta.

Dalam perkembangan berkaitan, tambah beliau, Kerajaan Negeri sehingga Jun 2020 telah membelanjakan RM190,551,246.60 untuk projek penyelenggaraan perumahan awam; penyelenggaraan perumahan awam (pembangunan) (RM885,000); penyelenggaraan perumahan pihak berkuasa tempatan, PBT (RM23,453,935.77) dan



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar dengan berlatarbelakangkan Rumah Pangsa Padang Tembak pada sesi pemantauan kemudahan asas di rumah pangsa berkaitan baru-baru ini.

melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 peratus Pulau Pinang (swasta) (RM35,355,911.22)

“Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mana suatu jumlah

besar sebanyak RM250,246,093.59 telah kita (Kerajaan Negeri) belanja untuk bantu orang awam daripada aspek penyelenggaraan (rumah pangsa) mereka,” ulasnya yang juga ADUN Datuk Keramat.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11692 HAIZATUL IZUANA BINTI YAACOB - 88050607**** 403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11700 ZUHAIKABINTI MOHD MEERASA - 88012107**** 363 JALAN MADRASAH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11701 NORAINI BT MOHAMAD NOR - 92010902**** NO. 39 PERSIARAN SEKSYEN 5/4, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11702 SAKINAH BINTI YAHAYA - 90051907**** NO.629 MK21 GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: HAIZATUL IZAWATI BINTI YAACOB - 80041102**** NO.403-A MUKIM 9, KAMPUNG MASJID 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD MEERASA BIN MD IBRAHIM - 56022907**** NO.363 JALAN MADRASAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMAD SYUKRY BIN MOHAMAD NOR - 85062507**** NO.39 PERSIARAN SEKSYEN 5/4, BANDAR PUTRA BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: YAHAYA BIN ISMAIL - 60082029**** NO.629 MUKIM 21, GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: MOHD SYAMSUL HASRIN BIN MOHD HARITH - 77032308**** 1-7-23A LORONG AZIZ IBRAHIM, NIBONG INDAH, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MUHAMMAD ZAYD BIN ABDULLAH @ PARTIBAN A/L KUMARAISEN - 85072207**** 12 TINGKAT TAMBUN INDAH 2, TAMAN TAMBUN INDAH 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 2	: NORHAZIZAH BINTI MOHAMAD NOR - 80111307**** A-12-5 RIANA GREEN EAST CONDO, JALAN WANGSA DELIMA 7, 53300 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: MOHD NASIM BIN HUSSIN - 87100307**** NO.7829 NYIOR SEBATANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
No Akaun Peminjam	: 11703 SIVAKUMAARAN A/L SUPRAMANIAM - 89040607**** BLK 3 -12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11709 FARAHYAH BINTI MOHD BAHUDDIN - 85102507**** HSE NO. 2B-6-0, MELINSUNG SUMMER BAY APARTMENT 89600 PAPAN, SABAH	No Akaun Peminjam	: 11710 SABURA BT KADERSAH MERICAR - 84032207**** NO. 6 SOLOK SUNGAI PINANG, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11713 MOHAMAD ZAINI BIN KHALIB - 86071835**** TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: NAGAMAH A/P MUNIYANDY - 59020808**** 3-12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ABDUL RASHID BIN TIANOK - 73091212**** HSE NO. 2B-6-0, MELINSUNG SUMMER BAY APARTMENT 89600 PAPAN, SABAH	Penjamin 1	: ABDUL WAHAB MERICAN BIN KADERSAH MERICAN - 90012807**** NO.6 SOLOK SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: LILLIANA BINTI KHALIB - 90042307**** TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: PUNITHAMALAR A/P SUPRAMANIAM - 83071607**** 3-12-10 JALAN LENGKOK ANGSANA, SRI IVORY, FARLIM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2	: BUKHARI BIN BAKAR - 66040502**** 1138A BEREK POLIS KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: FATIMAH BINTI KADERSAH MERICAR - 78090807**** NO.6 SOLOK SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: HAMIDAH BINTI ABD KADIR - 61041108**** TS 5940 MUKIM 14, KAMPUNG BARU, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11714 AZMIZAM BIN AZMI - 93092607**** 1359 JALAN SEMARAK 36, FASA 6, TAMAN PANCHOR JAYA 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	No Akaun Peminjam	: 11717 NURUL AZREEN BINTI JOHARI - 83091607**** 21-1-5 FLAT SRI ABADI, LINTANG SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11720 MUMTAZ BT SULTAN - 89051507**** 9-4-3 SRI IMPIAN, LENGKOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11721 MUHAMMAD SYAZWAN BIN OMAR - 92060808**** 1199 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: AZMI BIN WAN CHIK - RF/91**** 6 LORONG ALMA JAYA 23, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: JOHARI BIN OTHMAN - 57033007**** NO.40 LORONG HIJRAH 12, TAMAN HIJRAH 01000 KANGAR, PERLIS	Penjamin 1	: MYDINBI BINTI NAINA MOHAMED - 63022507**** 9-4-2 SRI IMPIAN, LENGKOK ANGSANA, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: OMAR BIN SHAHUDIN - 68031107**** NO.1199 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: JALAL BIN SABUDIN - RF/87**** B5-1-42 KUARTERS POLIS, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: WAN MOHD AZIM BIN WAN MANSOR - 81050303**** 21-1-5 FLAT SRI ABADI, LINTANG SUNGAI ARA 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMED NAZRI BIN MOHAMED IQBAL - 84120311**** NO. 45 JALAN SP 1/2, SAUJANA PUCHONG, SEKSYEN 9, BANDAR PUTRA PERMAI 47110 PUCHONG, SELANGOR	Penjamin 2	: AHMAD ASWAD BIN ABRAHIM - 76010607**** BLOK S1-16 TAMAN PELANGI 13600 PERAI
No Akaun Peminjam	: 11722 SITI KHAIRUNNISA BINTI ABDULLAH - 85040502**** G-08-A PANGSAPURI DESA SRI JAYA, JALAN KELISA EMAS 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam	: 11725 ANA MARDHIAH BINTI JOHARI - 89092607**** SB 7085 JALAN PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 11729 SANJAY DEVA A/L THEVENDRAN - 91052807**** 31, LORONG AIR TERJUN 10350 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11731 OOI CHOON CHIET - 90022307**** 32 JALAN FETTES, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1	: NOOR RAFHATI ADYANI BINTI ABDULLAH - 78031302**** NO. 4 JALAN ELEKTRON U16/52A, DENAI ALAM, SEKSYEN U16, 40160 SHAH ALAM, SELANGOR	Penjamin 1	: JAMIL BIN JOSOH - 72060107**** NO. 21 LORONG PENAGA PERMAI 9, TAMAN PENAGA PERMAI 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: JEGATHEESAN A/L PAUL@BALAKRISHNAN - 62110207**** NO.8 PINTASAN BAHAGIA 9, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	Penjamin 1	: OOI CHONG BENG - 64090207**** NO.32 JALAN FETTES 11200 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: NOR SYAFAWATI OSMAN MILA BINTI ABDULLAH - 82101102**** 16 JALAN 18/62, BANDAR MENJALARA, KEPONG 52200 KUALA LUMPUR	Penjamin 2	: KAMARUDIN BIN SAID - 6112407**** NO.822 PAYA KELADI MASJID 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: RAKESH DEVA THEVAR A/L V THEVENDRAN - 82070407**** NO.31 LORONG AIR TERJUN 10350 PULAU PINANG	Penjamin 2	: TEH SIEW SIEW - 64042407**** BLOK 123-9-9, PENGKALAN WELD 10300 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11732 WONG CHUN WAI - 91121907**** 669-I MK8, JALAN FETTES, TANJONG TOKONG 10470 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11736 ANBUSHELVA P/SINNASAMY - 87100235**** 16 LORONG GEMELAN INDAH 5, TAMAN GEMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	No Akaun Peminjam	: 11742 TANUSHALINI A/P MOROTER - 87092607**** BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT KETUA MENTERI, TINGKAT 47 KOMTAR 10503 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11743 KAVINA A/P KALAMIANI - 89072014**** NO. 14 JALAN BUNGA MELATI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 1	: HOE WEI CHIEN - 84010707**** 88-4-11 PUNCAK ERSKINE, BLOK A 11200 PULAU PINANG	Penjamin 1	: GANESON A/L SINNASAMY - 75040608**** NO.16 LORONG GEMELAN INDAH 5, TAMAN GEMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 1	: GUNNASEGARAN A/L SUNDRAGASON - 60011708**** 18C-3-1 PERMATANG DAMAR LAUT, DESA WANGSA, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: TUNESHKUMAR A/L KOLINDAIVELY - 79092507**** NO. 14 JALAN KEMAMAN, OFF JALAN KAMPAR 10460 PULAU PINANG
Penjamin 2	: HOE WEI THENG - 89080107**** 669-I PEPPER ESTATE, ROAD 8, 11200 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SUNTHARA MOORTHY A/L RENGASAMY - 70040707**** NO. 27 LORONG GEMELAN INDAH 9, TAMAN GEMELAN INDAH 14200 SUNGAI BAKAP, SPS	Penjamin 2	: MOROTER A/L SHAMMUGAM - (MENINGGAL DUNIA) BLOK 78-6-15 TAMAN CASA IMPIAN, JALAN OOI THIAM SIEW 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SHOBA A/P MAHALINGAM - 84010907**** NO. 9 JALAN CONCORD 9, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11744 EASWARI A/P RADAHAKRISHNAN - 92101507**** 5-2-20 OCEAN VIEW, JALAN SUNGAI PINANG SATU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11747 AIDY SYAZREEF BIN JOHAN - 88042507**** 43 LORONG 41, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11750 JASMAWI BIN SAHIDEEN - 75022107**** NO.1408 JALAN SAMA GAGAH, PERMATANG PAUH 13500 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11753 MOHAMED YUSRI BIN SEHAT - 86022735**** 2929 MUKIM 16, KAMPUNG TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1	: SHOBA A/P SANDARAKASAN - 71020301**** 88-13-5 VISTA GAMBIER CONDOMINIUM, CHANGKAT BUKIT GAMBIER 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: JOHAN BIN YAACOB - 61071407**** NO.43 LORONG 41, TAMAN GUAR PERAHU 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: RAZALI BIN MOHD MUSTAFA - 65032202**** BATU 10 1/2, KAMPUNG TERAP, 09800 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: YASIRAH BINTI SEHAT - 81010907**** NO.2929 MUKIM 16, TASEK JUNJONG 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2	: VATHSALA A/P KAMARASAMY - 72042207**** NO.39 LORONG INDAH SATU, BROWN GARDEN 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SALMAH BINTI CHE LAH - 58050607**** NO.49 JALAN 2, TAMAN GUAR PERAHU 14400 KUBANG SEMANG, BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KHAIRUDIN BIN ZAINOL - 75020402**** UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA, KAMPUS KEJURUTERAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: AHMAD NUAIM BIN GHAZALI - 60083007**** NO.53 JALAN TASEK 2, BANDAR SERI ALAM 81750 MASAI, JOHOR
No Akaun Peminjam	: 11755 NUR AISYAH BINTI BAHARUDDIN - 87050302**** 59 PERSIARAN SEMBILANG, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11756 SYED MUZTAQIM ALI BIN SYED MAZHAR ALI - 92010907**** RB-7-9 PERSIARAN BAYAN 3, TAMAN TUNAS MUDA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11764 GANESWARAN JSU A/L JAGANATHAN - 93051307**** NO.15 HILIR NIBONG DUA, BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11765 MUHAMMAD AFIQ FARHAN BIN AZIZ - 92011707**** 10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: MUHAMMAD YASSER BIN BAHARUDDIN - 82112102**** 59 PERSIARAN SEMBILANG, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 1	: SYED MAZHAR ALI BIN SYED AZAM ALI - 61041207**** RB-7-9 TAMAN TUNAS MUDA, PERSIARAN BAYAN 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: PUVANESWARAN JSU A/L JAGANATHAN - 84090502**** NO.15 HILIR NIBONG 2, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: AZIZ BIN AHMAD - 60091909**** NO.10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: MUHAMAD AKMAL ALSAAD BIN MALEK AL SAAD - 87121708**** NO. 3 TINGKAT TUNA 2, BANDAR SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: SYED AL IMRAN BIN SYED MANSOR ALI - 85012107**** NO.36-U JALAN 200, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: PRABAKKARAN JSU A/L JAGANATHAN - 85092307**** NO.15 HILIR NIBONG 2, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZIZAH BINTI OSMAN - 65033004**** NO.10 LORONG BERTAM INDAH 4/5, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 11767 UMMI KALSOM BINTI ABDUL RAZAK - 86063035**** 1054 MK3 BUKIT INDRAMUDA, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11768 YUGERAJ A/L KARUMALAI - 93070207**** 7-2-10 LINTANG PANTAI JERAK, TAMAN BATU UBAN 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11769 ANBARASAN A/L KUPPAN - 91022107**** 5 LORONG BIDARA 3, TAMAN PRESTIGE V, PERMATANG DAMAR LAUT 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11772 SARALAH DEVI A/P JEYAVARATHAN - 86011807**** BAH. PEMBIAYAAN & KAWALAN KREDIT, SKM WILAYAH PERSEKUTUAN, TINGKAT 1, MENARA SURUHJAYA KOPERASI MALAYSIA 50490 BUKIT DAMANSARA
Penjamin 1	: ABDUL RAZAK BIN DAUD - 58061707**** NO.1054 MUKIM 3, BUKIT INDRAMUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MAHENDRAN KUMAR A/L A POKKARU - 58082171**** C-4-2 KIP JALAN MOUNT ERSKINE 10470 TANJONG TOKONG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: LOGESWARI A/P KUPPAN - 86072935**** NO.232 JALAN BARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NAVINDREN A/L SINGARAM - RF/147**** BEREK BUJANG, BATALION 7, PASUKAN GERAKAN AM 25990 KUANTAN, PAHANG
Penjamin 2	: MASHITHAH BINTI ABDUL RAZAK - 84081707**** SMA ISLAM AL-MASRIYAH, 1267 JALAN ABDUL KADIR ADABI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MANGALA NATHAN A/L KALIAMEE - 71112807**** BLOK F-2-7 LORONG HELANG 3, SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MINAH A/P PRAMCHANDRAN - 64030407**** 2-4-9 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: NAGENDREAN A/L SINGARAM - 79031207**** NO.10 LORONG BUKIT MERTAJAM, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam	: 11773 RASAAATHEI A/P PERUNJOTHI - 89042007**** 1-1-19 PERSIARAN BAYAN INDAH 3, DESA PUTRA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11774 SHALINI P/JAYABALAN - 93011407**** NO. 177 LORONG KANGKONG 4/2B, TAMAN KANGKONG, LUNAS 09600 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 11775 MURUGIYAH A/L PRATNAM - 69070407**** 4-09 BLOCK A LORONG BUNGA RAMPAI 5, TAMAN PANDAN, JALAN ONG YI HOW 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 11780 RUBEN FRANCIS A/L FRANCIS DASS - 93052007**** 97 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: GANESAN A/L SUPRAMANIAM - 69042007**** NO.523 LORONG SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SANJIVI A/L JAYABALAN - 86082535**** NO.15B KAMPUNG PAYA BESAR 09600 LUNAS, KEDAH	Penjamin 1	: VANAJA A/P B JEYAVELOO - 62031207**** NO. 502B JI. JALAN TENGGIRI, SEBERANG JAYA 13700 PERAI	Penjamin 1	: RAVI A/L RETNAM - (MENINGGAL DUNIA) NO.1355 JALAN BUKIT PANCHUR 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2	: KATHIRESAN A/L THEVARAJAN - 86102235**** 1-1-19 DESA PUTRA, PERSIARAN BAYAN INDAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: VIJAYAN A/L KHRISHNAN - 84011507**** NO.3 JALAN BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2	: DENESH A/L MACALINGHAM - 86092935**** NO. 39 JALAN BERLIAN 1, PPC QUARTERS, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: PATRICIA SHAMANI A/P SOOSAINATHAN - 84110107**** NO.14 GERBANG KURAU, CHAI LENG PARK 13700 PERAI



BUKIT PUNCHOR

Lokasi Yang Paling Strategik, Pemulangan Nilai Pelaburan Yang Tinggi, Petaang Keemasan Untuk Berniaga di Taman Bukit Panchor, Nibong Tebal

**Fortune 88
Kedai Pejabat
2 Tingkat**

- Jambatan Pulau Pinang - 28km
- Jambatan Pulau Pinang ke-2 - 15km
- Interchange Jawi - 1km
- Pekan Nibong Tebal - 1km
- USM Kampus N.Tebal - 2km
- Pusat Membeli Belah Design Village - 12km
- JKEA, KDU Kolej Batu Kawan - 12km
- Kaw. Perindustrian Perai - 20km




Sila hubungi eksekutif jualan:
012-4900113 / 016-4183512 / 018-3995829

RM 798,000* ke atas *5% Diskaun Untuk Bumiputra*

Pemaju: **Bukit Panchor Development Sdn Bhd** (215990-A)
35, Jalan Icon City, Icon City, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: (04) 5062 688 Faks: (04) 5059 664

Ibu Pejabat: Level 23A, Menara LGB, Jalan Wan Kudir, Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur.
Tel: (03)-7688 1266 Faks: (03)-7688 1277



THRIVEN

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarliah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam : 11786 THIAGARAJA PILLAI A/L THAYASEGAMANAY - 89080507**** NO. 1129 JALAN KLINIK LAMA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 11788 THANESHWARAN A/L RAMADASS - 87021907**** 39 JALAN INTAN 1/6, TAMAN PUCHONG INTAN 47100 PUCHONG, SELANGOR	No Akaun Peminjam : 11789 NUR MASIDAYU BT MOHD IBRAHIM - 88072107**** NO.167 JALAN RIMBA EMAS, TAMAN BERSATU, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam : 11790 HANNA FARHANA BINTI ZAM ZAIMI - 92082207**** 757 B KAMPONG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : THANESH A/L SATHIASELVAN - 88101835**** NO. 1435 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1 : SUSILA A/P PERUMAL - 71071602**** 2-12-19 TAMAN MANGGIS, JALAN ZAINAL ABIDIN 10400 PULAU PINANG	Penjamin 1 : NUR SINAR BINTI MOHD IBRAHIM - 84050807**** NO.167 JALAN RIMBA EMAS, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1 : ZAM ZAINI BIN ABDULLAH - 63110308**** NO.757B KAMPUNG KASTAM, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : RAJESWARI A/P KRISHNAN - 66040607**** NO. 9105 KAMPUNG KOVIL 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2 : VENGADASALAM A/L PERUMAL - 74020902**** 1150D-6-10 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2 : MOHD FADZLY BIN ABU BAKAR - 85071808**** NO.154 JALAN TERATAI INDAH 5, TAMAN TERATAI INDAH 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2 : SHAHRIZUL BIN ISMAIL - 80081407**** NO.35 LORONG PENAGA 14, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU
No Akaun Peminjam : 11795 REHANA BT MOHAMED SHAH JAHAN - 87052235**** 4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 FARLIM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam : 11805 HAZWANI BINTI ABDUL MUNIR - 87031007**** NO. 45 JALAN PALMA 1/3, TAMAN PALMA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	No Akaun Peminjam : 11814 SITI MUSLEHA BINTI MUSA - 86062635**** SEKOLAH KEBANGSAAN JAWI, JALAN BESAR JAWI, TAMAN JAWI JAYA 14200 SUNGAI JAWI, SPS	No Akaun Peminjam : 11819 MUHAMAD NURINSAN BIN MOHD ARIFFIN - 91012207**** F-1-29 VISTA ALAM, NO 3 PRESIENT 4.5, SEKSYEN 14, JALAN IKHTISAS 14/1, 40150 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : MOHAMED SHAH JAHAN BIN NAGOR MEERAH - 58121807**** 4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1 : MUHAMMAD SUFFIAN BIN ABDUL MUNIR - 81010903**** G4-0-2 DESA PANDAN APARTMENT 55100 KUALA LUMPUR	Penjamin 1 : NOOR AZIZAN BIN ZAKARIA - 85032702**** NO.45 LORONG JAWI INDAH 4, TAMAN JAWI INDAH 14200 SUNGAI JAWI, SPS	Penjamin 1 : MOHD ARIFFIN BIN ABD WAHID - 63042205**** 445 LORONG KERANJI 5/3, TAMAN KERANJI 3, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : MUHAMMAD RAYEES BIN MOHAMED SHAH JAHAN - 91030407**** 4E-13-07 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 2 : MUHAMMAD IKHLAS BIN MAT SIN - 78092310**** NO.16 TINGKAT PASIR BELANDA 9, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG	Penjamin 2 : FADLINA BINTI RAMLI - 82072707**** NO.2833 SUNGAI TOK TUNTONG 14310 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2 : JAMALUDDIN BIN ABD WAHID - 65052108**** BLOK B4-3-09, TAMAN SRI JANGGUS, ALMA 14400 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 11828 MUHAMMAD ZAIM BIN MD ZAIN - 93120307**** NO.1073 KAMPONG BAHARU 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam : 11831 MOHAMMAD FARIZUL AZRI BIN MOHAMMAD FISOL - 92092207**** NO.597 LORONG 5/11, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH	No Akaun Peminjam : 11836 NUR HAZWANI BINTI MOHD ANI - 87121235**** NO. 5 PERSIARAN SEKSYEN 6/13, TAMAN PUTERA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam : 11840 JITHANGESWARAN A/L JAYABALAN - 80060607**** NO.12A LORONG MACHANG BUBUK 39, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : MUHAMMAD HELMI BIN MD ZAIN - 84040107**** NO.1073 KAMPUNG BAHARU 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1 : MOHAMMAD FISOL BIN ABDUL MALEK - 66060102**** NO.597 LORONG 5/11, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 1 : MOHD YUSOF BIN MOHD ANI - 84120602**** 11 (PTD 4726) JALAN NUSARIA 1/4, TAMAN NUSANTARA, NUSAJAYA 81550 JOHOR	Penjamin 1 : MOGANAMBAL A/P K ANNAMALAI - 61033007**** 6B-01-02 JALAN SEMARAK API, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NURUL HUDA BINTI ABU HASHIM - 84012514**** NO.1073 KAMPUNG BAHARU 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 2 : NORLIYA BINTI MOKHTAR - 72082008**** NO.820 LORONG KENANGAN 2/13, TAMAN KENANGAN 09410 PADANG SERAI, KEDAH	Penjamin 2 : AB KARIM BIN HJ ISMAIL - 62012502**** NO.17 PERSIARAN MAYANG PASIR 7, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2 : KOGILAVANI A/P PARASORAMAN - 84090908**** NO.52 LORONG MACHANG BUBUK 38, TAMAN MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam : 11848 ABDUL LATIFF BIN MOHD RADZI - 93070707**** 678 MUKIM 5, BUKIT INDRAMUDA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam : 11849 NUR AIN AJEERA BINTI BASHARUDIN - 9310407****	No Akaun Peminjam : 11849 NUR AIN AJEERA BINTI BASHARUDIN - 9310407****	No Akaun Peminjam : 11849 NUR AIN AJEERA BINTI BASHARUDIN - 9310407****
Penjamin 1 : NURHIDAYAH BINTI MOHD RADZI - 84101907**** B-17-15 PLATINUM LAKE CONDOMINIUM, NO.9 JALAN DANAU SAUJANA 1, DANAU KOTA 53000 KUALA LUMPUR	Penjamin 1 : BASHARUDIN BIN BAKAR - 66021105**** 4-5-4 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : BASHARUDIN BIN BAKAR - 66021105**** 4-5-4 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1 : BASHARUDIN BIN BAKAR - 66021105**** 4-5-4 LEBUH NIPAH 3, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NURFAEZAH BINTI MOHD RADZI - 86051735**** NO.55 JALAN SP 8/9, BANDAR SAUJANA PUTRA, 42610 JENJAROM, SELANGOR	Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN OTHMAN - 83091607**** NO.43 LORONG GUAR PERAHU 31, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN OTHMAN - 83091607**** NO.43 LORONG GUAR PERAHU 31, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2 : MOHD KHAIRUL ANUAR BIN OTHMAN - 83091607**** NO.43 LORONG GUAR PERAHU 31, TAMAN GUAR PERAHU 14000 BUKIT MERTAJAM

Pemeriksaan *resistograph* jamin kesihatan pokok

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MBPP**

PULAU TIKUS - Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengguna pakai teknologi *resistograph* bagi memeriksa 'kesihatan' pokok-pokok teduhan yang didapati berisiko kepada orang awam di sini.

Ahli Majlis bagi MBPP, R. Kaliyappan berkata bahawa pengadaptasian teknologi tersebut adalah penting dalam menjaga keselamatan orang awam dan harta benda.

"Kita ada lebih 14,000 pokok (di bahu jalan) yang didaftarkan di kawasan pulau, dan kita (MBPP) akan jalankan pemeriksaan langkah demi langkah sekiranya terdapat sebarang aduan.

"MBPP mengambil peluang ini untuk tunjukkan kaedah penggunaan *resistograph* menerusi suntikan sebagai langkah awal pemeriksaan terhadap kesihatan pokok yang terdapat di sekitar pulau," ujarnya ketika melakukan demonstrasi berkaitan bersempena lawatan pemeriksaan ke Lengkok Midlands di sini 12 Jun lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon

Wai; Ahli Majlis bagi MBPP, Abdul Latif Mohamad; Pengarah Jabatan Landskap MBPP, Azizul Fahmi Muhammad dan wakil kontraktor terlibat.

Bercakap kepada pemberita, Chun Kit menyatakan bahawa inisiatif MBPP melalui teknologi tersebut adalah amat penting dalam usaha pemuliharaan pokok-pokok terutamanya ekoran perubahan cuaca yang semakin tidak menentu.

"Oleh itu, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kerajaan Negeri, kita mesti bersedia berdepan situasi yang sentiasa berubah ini.

"Justeru, pemeriksaan pokok adalah penting bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda," ulasnya.

Difahamkan dalam menjaga kelestarian pokok-pokok teduhan di bahu jalan, MBPP mempunyai pangkalan data dan tanda membabitkan kira-kira 14,000 pokok bagi memudahkan tindakan diambil sekiranya terdapat aduan.

Dalam satu demonstrasi yang ditunjukkan, pihak kontraktor menyuntik jarum dari *resistograph* bagi mendapatkan bacaan kesihatan batang pokok tertentu dan daripada bacaan tersebut, langkah sewajarnya akan diambil dalam usaha pemuliharaan demi keselamatan awam.



ALAT *resistograph* yang digunakan.

DEMONSTRASI suntikan *resistograph* yang dijalankan oleh pegawai bertugas bersempena lawatan pemeriksaan terhadap sebatang pokok di sini baru-baru ini.

PUSAT PERNIAGAAN
PEKAKAINDAH
NIBONG TEBAL, PULAU PINANG

**KEDAI PEJABAT
2 TINGKAT**

Hakmilik Kekal
Tarikh Dijangka Siap: Hujung Tahun 2020

5% Diskaun untuk Bumiputera

Pelan Lokasi

Ciri-ciri Kemudahan:

- Stesen Minyak
- Pendidikan
- Pejabat Kerajaan
- Taman Rekreasi
- Pusat Membeli-belah
- Pusat Perubatan

▲ **Jenis A | Jumlah unit: 1**
Keluasan Tanah: 2,520 kps
Keluasan Binaan: 4,368 kps
Harga Jualan:
RM 1,680,000

▲ **Jenis B | Jumlah unit: 27**
Keluasan Tanah: 1,260 kps
Keluasan Binaan: 2,377 kps
Harga Jualan Dari:
**RM 688,000 (min) -
RM 768,000 (mak)**

▲ **Jenis C | Jumlah unit: 14**
Keluasan Tanah: 1,240 kps
Keluasan Binaan: 2,344 kps
Harga Jualan Dari:
**RM 668,000 (min) -
RM 738,000 (mak)**

Pemaju:
 TPS Properties Sdn. Bhd.
1061984-D

No. 6, Tingkat 1, Jalan Dayu Maju, Pusat Perniagaan Daya Maju, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia.
t: 04-537 3877 f: 04-537 3876
e: tpspropertiesdnhbd@gmail.com

012-455 8062

TPS Properties Sdn Bhd (1061984-D) · Alamat Pemaju Prinsipal: No. 6 Tingkat 1, Jalan Dayu Maju, Pusat Perniagaan Daya Maju, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia. Tel: 04-5373877 - Faks: 04-5373876 - Semua gambaran adalah sebagai jempunan untuk mendapat sambutan daripada orang ramai untuk melihat dan mendaftar sahaja dan tidak dianggap sebagai satu tawaran untuk jualan. Maklumat terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua gambar adalah lakaran artis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Setiap langkah yang telah diambil dalam penyediaan gambaran, pemaju tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa ketidaktepatan. Semua tersebut di atas adalah tertakluk kepada perubahan, pengubahsuaian dan penggantian sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera.

47 penjaja penempatan semula Taman Nibong Tebal Jaya terima lesen

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

JAWI – Seramai 47 penjaja penempatan semula di Taman Nibong Tebal Jaya kini boleh menarik nafas lega apabila menerima lesen perniagaan daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 17 Jun lalu.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pemberian lesen berkenaan adalah sebahagian daripada program membantu peniaga-peniaga kecil yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40).

“Kerajaan Negeri dan MBSP amat prihatin untuk membantu peniaga-peniaga ini, malah kita cuba sedaya-upaya menyesuaikan antara kehendak peraturan serta membantu peniaga menjalankan perniagaan.

“Sebanyak 55 petak telah dikenal pasti untuk menempatkan semua penjaja tanpa kebenaran di sekitar taman ini, dan seramai 47 peniaga telah menjalankan perniagaan di sini.

“Oleh itu, saya hadir sendiri bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan YB Jason (H'ng Mooi Lye) dan Ahli-Ahli Majlis untuk menyerahkan sendiri kelulusan

berniaga sebagai tanda penghargaan MBSP kepada penduduk yang sentiasa menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam memutuskan rantaian COVID-19,” katanya sebelum menyerahkan lesen kepada penjaja-penjaja terlibat di sini.

Selain Mooi Lye, turut hadir ialah Ahli Majlis MBSP, Heng Yeh Shiu dan Dr. Seow Kweng Tian.

Mengulas lanjut, Rozali turut menyeru para peniaga agar mematuhi tatacara operasi standard (SOP) ketat yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) khususnya berkaitan jarak sosial satu meter.

“Peniaga tidak boleh membiarkan pengunjung bersesak-sesak di kaunter perniagaan mereka selain perlu melakukan pemeriksaan suhu badan, dan paling penting adalah mengimbas kod QR aplikasi pengesanan kontak, *PGCare*.

“Serentak itu, MBSP juga telah mengeluarkan info grafik berkaitan SOP bagi pasar pagi, pasar malam dan bazar ria sebagai pematuhan semua peniaga terlibat,” serunya.

Dalam pada itu, Mooi Lye menzahirkan ucapan penghargaan kepada pihak MBSP kerana berusaha membantu peniaga-peniaga kecil kembali menjalankan perniagaan dalam tempoh Perintah Kawalan

Pergerakan Pemulihan (PKPP).

“Saya minta agar semua penjaja mematuhi SOP ditetapkan bagi mengelakkan pembatalan kelulusan yang diberikan ini,” tegasnya.



ROHAYA Ramli.

Sementara itu, bagi salah seorang peniaga, **ROHAYA RAMLI**, 49, ketika ditemui menyatakan rasa syukur dan gembira apabila penantian selama dua tahun untuk mendapatkan lesen akhirnya tercapai.

“Saya berniaga menjual nasi lemak di sini sudah dua tahun. Sebelum ini saya juga pernah memohon lesen tetapi tidak diluluskan.

“Walaupun saya tidak berdepan apa-apa tindakan penguatkuasaan kerana berniaga tanpa lesen sebelum ini tetapi dengan adanya kebenaran yang sah ini saya boleh menjalankan perniagaan tanpa rasa bimbang lagi,” ulasnya.



NORHAYATI Samsudin.

Bagi **NORHAYATI SAMSUDIN**, 59, beliau memberitahu bahawa dirinya mula menjalankan perniagaan tanpa lesen di kawasan berkenaan sejak 12 tahun lalu.

“Saya berasa sangat gembira kerana selepas ini kerana saya sudah boleh berniaga menjual sate tanpa sebarang halangan.

“Sebelum ini, saya pernah dikenakan kompaun sebanyak dua kali oleh MBSP tetapi saya tetap juga meneruskan perniagaan memandangkan ini sahaja sumber pendapatan yang ada,” kongsi kepada Buletin Mutiara.

Seorang lagi peniaga, **A. TERASARANI**, 60, ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada MBSP, ADUN kawasan dan pihak-pihak terlibat yang membantu mendapatkan kelulusan bagi peniaga-peniaga penempatan semula di Taman Nibong Tebal Jaya menjalankan perniagaan secara sah.



A. Terasarani.

“Sejak memulakan perniagaan lapan tahun lalu, kami memang ada lesen tetapi atas nama suami.

“Apabila suami saya meninggal kira-kira setahun lalu, maka saya mengambil alih perniagaan ini tetapi tanpa lesen daripada MBSP dan saya juga pernah diberikan amaran supaya menghentikan perniagaan sebelum ini.

“Sekarang saya berasa amat gembira kerana dapat menjalankan perniagaan tanpa apa-apa halangan lagi,” zahirnya.

Difahamkan, lokasi penempatan penjaja yang terletak di seberang jalan bermula dari bangunan No. 2 hingga bangunan No. 48 dekat susur Jalan Sungai Daun, Taman Nibong Tebal Jaya, Seberang Perai Selatan (SPS) itu dibenarkan berniaga dari jam 5 petang hingga 10 malam.

Sebagai tambahan, para peniaga juga hanya dibenarkan menjual makanan dan penjualan minuman adalah tidak dibenarkan.

Larva lalat, tukar sisa organik sebagai protein makanan haiwan ternakan

BERTAM - Sisa organik seperti sayur-sayuran dan buah-buahan rosak di Pasar Awam Kepala Batas akan dikumpulkan untuk dijadikan makanan larva lalat baka ‘*Black Soldier Fly*’.

Larva tersebut kemudiannya akan dikitar semula menjadi makanan ternakan seperti ayam, ikan dan sebagainya sementara, sisa baki lain akan dijadikan baja organik untuk aktiviti pertanian.

Mengulas lanjut, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa kaedah pengkomposan sisa organik sebegini adalah perlu demi menjadikan Seberang Perai sebagai bandar raya neutral karbon pada tahun 2030 dan bandar raya sifar karbon pada 2050.

“Bandar raya Seberang Perai telah menentukan hala tuju yang jelas iaitu menyasarkan untuk mengurangkan 50 peratus pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu kurangkan penghasilan karbon daripada 8.0 tan setara karbon dioksida (CO₂) per kapita kepada 4.0 tan setara CO₂ per kapita.

“Serangga merupakan teknologi semula jadi hebat, seterusnya dapat digunakan untuk proses kitar semula yang bebas daripada penggunaan bahan kimia berbahaya serta mengurangkan kos, tenaga serta pencemaran alam.

“Ini, merupakan ‘*transforming waste to protein*’ dalam usaha mengitar semula sisa organik kembali ke alam sekitar dan secara langsungnya mengurangkan kesan pencemaran di persekitaran kita,” jelasnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik Pasar Awam Kepala Batas bagi tujuan pengkomposan di sini pada 21 Jun 2020.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud serta beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pada tahun 2019, Rozali memberitahu bahawa MBSP berjaya mengurangkan penghasilan karbon per kapita sebanyak 16.5 peratus, iaitu dengan bacaan sebanyak 6.88 tan CO₂eq seorang berbanding 8.24 tan CO₂eq seorang (2015).

“Pemanasan global akan mengakibatkan (bongkah) ais di Kutub Utara dan Kutub Selatan mencair, aras air meningkat... akhirnya kita akan melihat taburan hujan sangat luar biasa tidak kira musim (bertembung dengan limpahan) air parit monsun, banjir besar seperti yang terjadi pada bulan Oktober 2017 dan sebagainya.

“Sebab itu, MBSP komited untuk bersama bandar raya lain di dunia untuk menangani perubahan cuaca supaya dapat



SR. Rozali Mohamud (kiri) dan Ansaruffin Othman menunjukkan contoh ‘Black Soldier Fly’ pada Majlis Pelancaran Pengumpulan Sisa Organik Pasar Awam Kepala Batas di sini baru-baru ini.

menghadkan pemanasan global 1.5 darjah celsius,” ujarnya sambil menyatakan bahawa MBSP komited untuk menjadi Bandar Raya Pintar pada tahun 2030, sebagaimana digagaskan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam Visi Penang2030.

Justeru, Rozali menyatakan bahawa projek pengkomposan sisa organik secara semula jadi berkaitan akan diusahakannya dengan ejen pelaksana syarikat Al-Ansar Integrated Sdn. Bhd. (Al-Ansar) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

“MBSP sentiasa berkolaborasi dengan rakyat, agensi-agensi, juga pihak universiti, seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk penghasilan teknologi dalam permainan hijau; kita (MBSP) berkolaborasi dengan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam kerja-kerja pemandulan anjing; kolaborasi dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam landskap; kolaborasi dengan USM dalam projek padi organik.

“Terbaru, kita (MBSP) berkolaborasi dengan USM juga dalam program ‘*waste to protein*’ serta ‘*waste to compose*’.

“Syarikat Al-Ansar akan menyediakan tong sampah untuk pengasingan sampah jenis sisa organik, seperti sayur-sayuran yang rosak atau tidak boleh dijual.

“Sisa organik yang dikumpulkan ini akan dibawa balik ke

ladang untuk proses seterusnya dengan menggunakan larva dihasilkan lalat baka ‘*Black Soldier Fly*’,” ulasnya.

Dalam bicarawara berasingan selepas itu, Pengarah Urusan Al-Ansar, Ansaruffin Othman berkata bahawa ‘*Black Soldier Fly*’ adalah ‘lalat sihat’, tidak seperti lalat biasa lain yang membawa pelbagai bakteria kepada manusia.

Tambah beliau, kajian mengenai pengkomposan sisa organik dengan menggunakan larva ‘*Black Soldier Fly*’ telah dilaksanakan sejak tujuh tahun lepas, termasuk kira-kira dua tahun bersama-sama satu pasukan penyelidik bidang mikrobiologi dari USM.

“Sebenarnya ‘*Black Soldier Fly*’ hidup di kawasan Khatulistiwa, maka, secara semula jadi memang ada di sekeliling kawasan tempat kita juga.

“Larva yang dihasilkan lalat baka berkaitan mempunyai elemen anti mikro (yang berfungsi) membunuh kuman sama sekali, tidak seperti lalat biasa yang membawa mikrob seperti (bakteria) *Salmonella*.

“Hasil kajian menunjukkan baja organik dihasilkan (daripada tinja larva ‘*Black Soldier Fly*’) berfungsi untuk mencegah serangan serangga pada pokok.

“Jenama) baja pokok yang baik mesti ada kandungan ‘*Chitosan*’, dan dalam (larva) yang dihasilkan ‘*Black Soldier Fly*’ ada ‘*Chitosan*’ secara semula jadi.

“‘*Black Soldier Fly*’ akan menelurkan larva sahaja, larva yang (dibiakkan secara terkawal) akan dijadikan makanan pada ternakan di ladang kami.

“Sementara, kumuhan atau tinja yang dihasilkan larva ini akan dijadikan baja organik yang sesuai dengan jenis tumbuhan,” jelasnya sambil memberitahu bahawa baja organik dihasilkan berkaitan sesuai untuk semua jenis tanaman.

Sehingga kini, Ansaruffin Othman menyatakan bahawa satu ekar tanah dijadikan ladang larva ‘*Black Soldier Fly*’ manakala satu ekar lagi adalah ladang ternak ayam komersial.

“Tiap-tiap hari, kita mampu menghasilkan 70 kilogram (kg) larva secara terkawal supaya tidak mengganggu ekosistem kawasan sekeliling, untuk projek pengkomposan sisa organik ini,” ujarnya.

Setakat ini, menurut beliau, larva ‘*Black Soldier Fly*’ dihasilkan dikitar semula sebagai makanan ternakan ayam di ladang berkenaan sahaja.

Kelengkapan sukan menembak, peruntukan bakal disalurkan

SALAH seorang atlet sedang menjalani latihan menembak.



SOON Lip Chee (dua dari kiri) dan Harry Chai Heng Hua (kiri sekali) merakam gambar kenangan bersama-sama Faizah Ab. Aziz (kanan sekali), Lim Toh Huan (dua dari kanan) dan salah seorang atlet menembak bersempena lawatan khas ke Kelab Menembak Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : LAW SUUN TING

KEBUN BUNGA – Kerajaan Negeri melalui Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee bakal menyalurkan peruntukan segera bagi tujuan pembelian kelengkapan baharu kepada pasukan menembak Pulau Pinang.

Menurut beliau, peralatan sedia ada seperti pistol, raifal, jaket dan lain-lain disifatkan adalah agak ketinggalan berbanding negeri-negeri lain.

"Saya diberitahu bahawa peralatan seperti pistol, jaket dan alatan latihan lain atlet menembak negeri ini sudah ketinggalan berbanding (negeri) lain.

"Kira-kira 15 tahun tiada pembaharuan... jadi saya mahu

kertas kerja segera sebelum peruntukan disalurkan menerusi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) daripada pihak saya," ujarnya ketika melawat persiapan atlet menembak bagi temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Johor tahun depan di Kelab Menembak Pulau Pinang dekat Kebun Bunga di sini 19 Jun lalu.

Lip Chee dalam pada itu menjangkakan bahawa peralatan serta kelengkapan baharu berkenaan bakal diterima pada awal Ogos ini sekiranya semua proses berjalan lancar.

Hadir sama, Pengarah MSNPP, Harry Chai Heng Hua; Setiausaha Kelab Menembak Pulau Pinang, Lim Toh Huan dan

jurulatih bagi pasukan menembak Pulau Pinang, Faizah Ab. Aziz.

Tambah Lip Chee, untuk menarik minat penyertaan atlet muda, peralatan asas mesti berada pada tahap terbaik dan terkini.

"Bagi kepentingan masa hadapan sukan ini, kita mesti ada persiapan yang rapi daripada segi peralatan sukan.

"Ini adalah titik permulaan, jurulatih sudah ada, persatuan pun sudah agresif jadi apa salahnya kita (Kerajaan Negeri) turut mainkan peranan membantu," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Atlet perlu miliki tahap kecergasan optimum, disiplin diri

TANJUNG BUNGA - Skwad kanu negeri disarankan supaya memanfaatkan sesi latihan yang dilaksanakan bagi mengekalkan momentum kecergasan optimum.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa walaupun tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah tamat, para atlet perlu meneruskan sesi latihan.

"Kecergasan paling utama, walaupun sepanjang PKP latihan agak terhad tetapi sebagai atlet adalah perlu sentiasa bersiap sedia.

"Sasaran pastinya untuk menyertai Sukan Malaysia nanti atau apa-apa jua kejohanan termasuk di pentas antarabangsa.

"Jadi, adalah perlu memastikan disiplin diri yang tinggi dan sentiasa berada pada tahap

kecergasan optimum melalui sesi latihan yang dijalankan," ujarnya pada sesi lawatan ke Pusat Kegiatan Sukan Air (PKSA) Tanjung Bungah dekat sini 19 Jun lalu.

Lip Chee meluangkan masa kira-kira 15 minit bersama-sama atlet sukan kanu negeri bagi meninjau sesi latihan yang memasuki hari kedua pada tarikh berkaitan di PKSA Tanjung Bungah.

Selain itu, beliau yang diiringi Penyelia PKSA Tanjung Bunga, Ahmad Firdaus Yusoff dan Pegawai Pembangunan Sukan MSNPP, Noor Falissa Shabudin turut dibawa meninjau keadaan gimnasium yang memerlukan pembaikan.

Turut sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai

Heng Hua.

Dalam pada itu, jurulatih skuad kanu negeri, Muhd. Salleh Hashim ketika ditemui memaklumkan bahawa anak-anak buahnya masih meneruskan latihan meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasakan Mac lalu.

"Sepanjang PKP lalu, saya meminta para atlet menghantar rakaman video latihan masing-masing yang dijalankan di rumah, dan pada masa, kami akan membuat panggilan

video beramai-ramai untuk memaklumkan mengenai sesi latihan yang perlu dilakukan," katanya yang turut memastikan para atlet di bawah seliaannya mematuhi arahan keselamatan disarankan.

Pada hari berkaitan, rata-rata atlet kelihatan gembira apabila dapat meneruskan sesi latihan di PKSA Tanjung Bungah setelah hampir tiga bulan melakukannya di rumah.

Difahamkan, skuad kanu negeri mempunyai 31 atlet iaitu 19 lelaki dan 12 perempuan.

LINDUNGI DIRI, KELUARGA DAN KOMUNITI KITA

Amalkan 4P



Penjarakan sosial



Pakai pelitup muka ketika di luar



Pencucian tangan menggunakan sabun



Perhatikan gejala COVID-19



SEBAHAGIAN sesi latihan yang dijalankan skuad kanu negeri.



penanglawancovid19



t.me/penanglawancovid19



penanglawancovid19.com